



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Pantai Timur

P028 PASIR PUTEH

Laporan Disediakan Oleh: Dr Siti Nur Ain Zakinuddin & Syza
Bazilah Muhamad Ropi



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.028 Pasir Puteh

Disediakan oleh:

Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin

Syza Bazilah Muhamad Ropi

KATA ALUAN

I

KATA PENGANTAR

V

PENGENALAN

VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU

20 - 25

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN

29 - 33

1.1 Geografi/Topografi

29

1.2 Komposisi Penduduk

31

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

31

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan
Konteks Tempatan

32

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

34 - 36

2.1 Pendekatan Kajian

34

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

35

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

35

2.4 Keterbatasan Kajian

36

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

37 - 45

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

46 - 92

4.1 Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu

46

4.2 Pengutamaan Isu

86

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

93 - 95

6.0 RUJUKAN

96



P.028 PASIR PUTEH

KATA ALUAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Rantau Panjang (P.023)*



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang kesempatan untuk penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 bagi Jilid Zon Timur ini direalisasikan. Penerbitan ini melambangkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Sebagai Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya amat menghargai peluang ini untuk menyatakan sokongan terhadap usaha yang memberi ruang kepada suara masyarakat akar umbi dalam perancangan pembangunan negara. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berfungsi sebagai panduan penting dalam memastikan pembangunan negara bergerak secara terangkum, dengan menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dan pembentukan pekerjaan, kesejahteraan sosial, pemeliharaan alam sekitar dan tadbir urus yang baik. Sejak tahun 2019, inisiatif berterusan ini telah membuktikan bahawa penyertaan komuniti dalam mengenal pasti keperluan serta cabaran mereka mampu memperkukuh dasar dan tindakan yang lebih adil serta cekap dan berkesan.

Zon pantai timur memiliki keperibadian tersendiri melalui kepelbagaian bentuk geografi dan sosialnya yang merangkumi kawasan pesisir, luar bandar serta bandar. Setiap kawasan memperlihatkan cabaran yang khusus namun juga berpotensi besar untuk dimajukan. Pendekatan yang merangkum dan bersepadu diperlukan bagi memastikan pembangunan yang dirancang benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat setempat dan menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhan.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini mengekalkan pendekatan kajian lapangan melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli parlimen, komuniti dan pemimpin tempatan, agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Laporan yang dihasilkan merupakan suatu usaha yang baik untuk menonjolkan cerita rakyat dan realiti sosial yang dihadapi oleh pelbagai komuniti setempat. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat kepada semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana di semua peringkat pentadbiran, dalam memastikan tiada komuniti yang tercicir. Pencapaian SDG memerlukan iltizam dan tindakan yang berterusan daripada semua pihak untuk menjamin kesejahteraan masyarakat yang berkekalan.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen yang terlibat, komuniti akar umbi serta agensi kerajaan persekutuan, negeri serta daerah dan pihak berkuasa tempatan yang telah memberi komitmen dan sokongan padu. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 Zon Pantai Timur ini.

Mudahan usaha yang dirintis ini menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa agenda pembangunan mampan di Malaysia, bagi kawasan pantai timur khususnya, dan demi kemajuan mampan masyarakat dan negara secara umumnya. Semoga Allah S.W.T memberkati keyakinan dan landasan kita untuk membangunkan negara Malaysia yang seimbang.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

Wakil Sekretariat APPGM-SDG



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	5
Jilid 3	Zon Tengah	3	4
Jilid 4	Zon Selatan	6	2
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	1
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN


DR. SITI NUR AIN ZAKINUDDIN

Ketua Zon Pantai Timur, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkuat gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON PANTAI TIMUR

Kajian pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Maran, Besut, Kota Bharu, dan Pasir Puteh mendedahkan landskap sosio-ekonomi yang seragam namun berdepan cabaran yang sama. Secara umum, ciri demografi yang paling ketara bagi parlimen Maran, Besut, Pasir Puteh, dan Kota Bharu ialah populasi yang didominasi oleh etnik Melayu dengan peratusan yang sangat tinggi. Selain itu, kawasan-kawasan ini juga mempunyai peratusan Bumiputera yang tinggi dan majoriti penduduk beragama Islam. Keempat-empat Parlimen ini dicirikan oleh ekonomi yang bergantung kepada sektor primer seperti pertanian, perikanan, dan perniagaan mikro. Kawasan ini merangkumi geografi yang pelbagai, daripada pesisir pantai dan dataran rendah sawah padi hingga ke penempatan Orang Asli dan FELDA di pedalaman. Walaupun terdapat pusat bandar kecil seperti Kota Bharu dan Jerneh, kebanyakan penduduk terlibat dalam ekonomi tidak formal yang mudah terkesan dengan perubahan pasaran dan iklim. Isu-isu yang ditemui Adalah saling berkaitan merentasi komuniti, seperti akses terhad kepada kemudahan asas, cabaran ekonomi, dan risiko alam sekitar, yang memerlukan pendekatan penyelesaian yang bersepadu.

Tiga isu utama yang dikenal pasti merentas semua parlimen ini adalah peningkatan kos sara hidup dan input ekonomi, kekurangan peluang pekerjaan serta migrasi belia, dan degradasi alam sekitar termasuk bencana berulang. Peningkatan kos input seperti baja, racun, makanan haiwan, dan barangan asas memberi tekanan kepada petani, penternak, nelayan, dan peniaga kecil. Di Besut dan Pasir Puteh, penternak ikan yang mengusahakan ikan sangkar seperti tilapia dan patin menanggung kos makanan yang tinggi, manakala petani di Kota Bharu berdepan kenaikan harga input pertanian yang mendadak termasuklah harga baja dan racun. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan menyebabkan belia berhijrah ke bandar besar, diperburuk oleh persaingan dengan pekerja asing dan pekerjaan bergaji rendah. Degradasi alam sekitar pula berpunca daripada aktiviti seperti pengorekan pasir, pembalakan, dan pembinaan East Coast Rail Link (ECRL) yang menyebabkan banjir. Hakisan pantai juga menjadi ancaman serius kepada komuniti pesisir Pantai terutamanya nelayan di Besut dan Pasir Puteh.

Penemuan ini adalah penting untuk merangka strategi intervensi yang didasarkan. Isu-isu ini saling berkaitan, membentuk kitaran kerentanan yang kompleks di mana kenaikan kos sara hidup mengikis pendapatan yang terhad. Kekurangan pekerjaan memaksa belia berpindah, menjejaskan pembangunan tempatan. Bencana alam dan degradasi alam sekitar pula mengancam mata pencarian utama seperti pertanian dan perikanan. Oleh itu, penyelesaian jangka pendek dan sederhana harus menumpukan kepada program pemerkasaan ekonomi yang inovatif, latihan kemahiran yang relevan dengan pasaran tempatan, serta pengurusan risiko bencana dan alam sekitar yang lebih berkesan. Kerjasama pelbagai peringkat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat adalah kunci untuk memastikan intervensi ini bersifat holistik dan dapat membina daya tahan masyarakat Pantai Timur dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P086	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P021	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P028	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PERGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.028 Pasir Puteh

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PASIR PUTEH, YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI SALLEH



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

18 Feb – 20 Feb 2025
(Selasa – Khamis)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Penjaja Selising
2. FGD 2: Komuniti Penternak Lembu Kampung & Sado
3. FGD 3: Komuniti Insan Istimewa Kelantan
4. Lawatan Tapak 1: Kawasan Air Terjun Jeram Pasu

HARI 3

11. FGD 7: Komuniti Nelayan Semerak
12. Lawatan Tapak 5: Kawasan Pantai Dalam Rhu
13. FGD 8: Komuniti Penternak Ikan Sangkar
14. FGD 9: Komuniti Petani

HARI 2

5. FGD 4: Komuniti Ibu Tunggal
6. Lawatan Tapak 2: Kawasan Tanah Penanaman Nenas
7. FGD 5: Komuniti Belia dan NGO
8. FGD 6: Komuniti Siam Semerak
9. Lawatan Tapak 3: Jalan Menuju ke Muara Tok Bali
10. Lawatan Tapak 4: Kawasan Ketek Nangka

PASUKAN PENYELIDIK




**DR. SITI NUR AIN
ZAKINUDDIN**
(Ketua Penyelidik)



**NUR SYADHIRA
MOHD RAZALI**



ROZLAN DAUD



NOR SYAHIDA ZOL

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 18-20 FEB 2025 (SELASA – KHAMIS)



16 Januari 2025
Mesyuarat Awalan



28 Januari 2025
Mesyuarat Pemprofilan



04 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan



18 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Insan Istimewa
Kelantan



18 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Penternak Lembu
Kampung & Sado



18 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Penjaja Selising



18 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Kawasan Air Terjun
Jeram Pasu



19 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Ibu Tunggal



19 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Kawasan Tanah
Penanaman Nenas



19 Januari 2025
Lawatan Tapak 3: Jalan Menuju ke
Muara Tok Bali



19 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Siam Semarak



19 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Belia dan NGO



**16 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN**

Dr. Siti Nur Ain telah mengadakan mesyuarat awalan bagi pemetaan isu di Parlimen Pasir Puteh bersama Ahli Parlimen, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh. Mesyuarat diadakan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh. Hasil mesyuarat telah menetapkan tarikh pemetaan isu di Parlimen Pasir Puteh dari 18 hingga 20 Februari 2025.

**28 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN**

Sesi mesyuarat pemprofilan bagi Parlimen Pasir Puteh telah dilakukan secara dalam talian oleh Dr. Siti Nur Ain dan Pegawai Khas Ahli Parlimen, Tn. Ustaz Zuraihan. Sesi ini bertujuan untuk mengenal pasti keadaan tempatan di Parlimen Pasir Puteh, komuniti akar umbi, dan isu-isu setempat. Sesi ini juga telah merangka tentatif pemetaan isu yang akan berlangsung pada 18-20 Februari 2025. Pihak Ahli Parlimen Pasir Puteh menyokong sepenuhnya usaha APPGM-SDG ini.

04 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Dr. Siti Nur Ain dan Nur Syadhira telah melakukan sesi pra-lawatan ke Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh. Sesi ini telah dihadiri oleh Ketua Jajahan Pasir Puteh, YABrs En. Mohd Roshdi Ismail, Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan), En. Abdul Muhaimin Mohd Redzwan dan Pegawai Pembangunan Sosioekonomi, En. Ahmad Fahim Mohd Nor.

Turut hadir bersama ialah Tn. Ustaz Zuraihan iaitu Pegawai Khas Ahli Parlimen Pasir Puteh. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai pengenalan APPGM-SDG serta perancangan tentatif sesi lawatan pemetaan isu yang akan dilakukan pada 18-20 Februari 2025.



FGD 1: KOMUNITI PENJAJA SELISING

FGD 1 ini telah melibatkan komuniti Penjaja di sekitar Selising. Sesi ini telah dihadiri oleh - Tn. Ustaz Zuraihan (Pegawai Khas Ahli Parlimen) serta 12 orang dari Komuniti Penjaja Selising bersama 3 orang penghulu mukim. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** ketersediaan bekalan bahan mentah yang kurang seperti minyak masak; **(2)** bayaran hasil kepada pemajak untuk berniaga kini semakin mahal, daripada RM5 sebelum ini meningkat kepada RM10-RM20; **(3)** tiada maklum balas setelah permohonan bantuan dibuat; dan **(4)** tiada lawatan bagi mangsa-mangsa terjejas banjir.



FGD 2: KOMUNITI PENTERNAK LEMBU KAMPUNG & SADO

FGD 2 ini telah melibatkan Komuniti Penternak Lembu Kampung & Lembu Sado di Pasir Puteh. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Ismail (Ketua Veterinar Daerah Pasir Puteh), Dr. Amin (Pegawai Veterinar Daerah Pasir Puteh) serta 13 orang dari komuniti penternak lembu kampung & sado Pasir Puteh. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** harga dedak makanan lembu yang semakin meningkat (jenis Soybean pernah mencecah RM 100 per bag); **(2)** tiada maklum balas setelah permohonan bantuan dibuat; **(3)** persaingan dalam mendapatkan pelanggan (daging import dari sempadan lebih murah); **(4)** kekurangan kakitangan agensi untuk membantu penternak yang ramai; dan **(5)** kecurian lembu ternakan (7 ekor lembu dilarikan dalam bulan Februari).



FGD 3: KOMUNITI INSAN ISTIMEWA KELANTAN

FGD 3 ini telah melibatkan Komuniti Insan Istimewa di sekitar Pasir Puteh. Sesi ini telah dihadiri oleh Tn. Mohd Ramli Abd Rahman (Pengerusi Persatuan Insan Istimewa Kelantan) serta 15 orang insan istimewa sekitar Pasir Puteh. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** tiada maklumat yang jelas dari JKM mengenai dokument yang diperlukan bagi permohonan bantuan (terpaksa pergi ke pejabat berulang kali kerana tidak lengkap dokument); **(2)** proses "*renew*" kad OKU sama seperti proses memohon (memerlukan laporan kesihatan; selepas 20 tahun laporan kesihatan dihospital telahpun dilupuskan); **(3)** kedudukan Jabatan Kebajikan Masyarakat di aras yang tinggi (menyukarkan golongan OKU); **(4)** tempat letak kereta khas OKU yang sempit (Susah untuk mengeluarkan "*wheelchair*"); **(5)** susah mendapatkan pekerjaan; dan **(6)** laluan ramp bagi golongan OKU yang terlalu cerun.



LAWATAN TAPAK 1: KAWASAN AIR TERJUN JERAM PASU

Satu sesi lawatan tapak telah dijalankan di kawasan air terjun Jeram Pasu Pasir Puteh. Hasil lawatan mendapati kawasan ini telah pun ditutup bagi aktiviti rekreasi namun masih ada segelintir pengunjung yang datang. Kawasan ini ditutup disebabkan infrastruktur yang telah pun rosak disebabkan air besar dan membahayakan pelancong. Selain itu, sistem gelongsor air yang diperbuat daripada mozek dan berbucu tajam sangat berbahaya bagi pengguna. Hasil lawatan juga, kami diberitahu bahawa tempat ini pernah berlaku kes kencing tikus.





FGD 4: KOMUNITI IBU TUNGGAL

FGD 4 ini melibatkan Komuniti Ibu Tunggal di sekitar Pasir Puteh. Sesi ini telah dihadiri oleh 33 orang ibu tunggal. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** tiada maklumat cara untuk memohon bantuan kerajaan; **(2)** jalan berlubang mengakibatkan banyak berlaku kemalangan; **(3)** air kerajaan kotor (warna merah atau kuning); dan **(4)** tidak layak mendapatkan bantuan hanya kerana keadaan rumah yang cantik (bukan rumah persendirian).



LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN TANAH PENANAMAN NENAS

Satu sesi lawatan tapak di kawasan tanah penanaman nenas disekitar Permatang Sungkai. Lawatan ini telah dihadiri oleh YB Dato' Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail (EXCO Pertanian, Industri Agromakanan dan Komiditi Negeri Kelantan), En. Fauzan (Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan), En. Maktar (Setiausaha Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Berhad), Mohd Afzanizan (Wakil Pengurus Kelantan Biotech), En. Ustaz Zuraihan (Pegawai Khas Ahli Parlimen) dan beberapa orang petani. Kawasan ini merupakan ladang bagi penanaman nenas yang telah diusahakan oleh Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Berhad. Hasil lawatan mendapati bahawa pengarah lembaga nenas dan petani menyatakan bahawa tiada saluran air keluar di kawasan tanaman dan akan menyebabkan air bertakung dan berpotensi merosakkan akar pokok.



FGD 5: KOMUNITI BELIA DAN NGO

FGD 5 ini telah melibatkan Komuniti Belia dan NGO di sekitar Pasir Puteh. Sesi ini telah dihadiri oleh Ustaz Zuraihan (Pegawai Khas Ahli Parlimen) serta 9 orang dari komuniti belia dan NGO dan 2 orang penghulu mukim. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** belia dikawasan sekitar menjadikan aktiviti lumba motosikal sebagai aktiviti petang; **(2)** keldai dadah dikalangan lepasan SPM; **(3)** longgokan sampah ditempat bukan pembuangan sampah; **(4)** proses yang rumit untuk mendapatkan bantuan dari agensi (bank); **(5)** sungai di sekitar Bukit Gedombak penuh dengan sampah sarap.



FGD 6: KOMUNITI SIAM SEMERAK

FGD 6 ini telah melibatkan Komuniti Siam di sekitar Semerak. Sesi ini telah dihadiri oleh Ustaz Zuraihan (Pegawai Khas Ahli Parlimen) serta 23 orang dari komuniti siam Semerak. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** *gate* air pecah (bingkai besi dicuri) menyebabkan air masin masuk ke kawasan sekitar dan merosakkan tanaman; **(2)** tiada makluman mengenai proses untuk memohon bantuan kebajikan; **(3)** jalan rosak akibat banjir; **(4)** tebing tembok jalan yang sangat sempit menyebabkan kenaikan air di kawasan tersebut (musim banjir); dan **(5)** pembuangan sampah di sepanjang jalan menuju ke muara.



LAWATAN TAPAK 3: JALAN MENUJU KE MUARA TOK BALI

Satu sesi lawatan tapak bagi sepanjang jalan menuju ke muara tok bali telah dijalankan. Hasil lawatan, sampah sarap yang banyak sehingga ke atas jalan mengganggu pemanduan. Selain itu sampah seperti plastik berterbangan dibawa angin ke kawasan-kawasan pertanian dan mengganggu petani sekitar.

LAWATAN TAPAK 4: KAWASAN KETEK NANGKA

Sesi lawatan tapak bagi kawasan Ketek Nangka telah dijalankan oleh pasukan penyelidik. Hasil lawatan, tebing tembok jalan yang sempit dan tersumbat dengan pasir dan rumput terbiar. Berdasarkan laporan setempat, tiada aktiviti mencuci parit dilakukan dan mengakibatkan saliran tersebut tidak mampu menampung air yang banyak dan akhirnya mengakibatkan banjir dikawasan tersebut.



FGD 7: KOMUNITI NELAYAN SEMERAK

FGD 7 ini telah melibatkan komuniti nelayan Semerak. Sesi ini telah dihadiri oleh 21 orang nelayan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** hakisan di persisiran pantai dari Pantai Bisikan Bayu ke Pantai Besut; **(2)** kekurangan sumber laut (terpaksa berebut dengan bot Pukat Tunda); **(3)** proses mendapatkan lesen bot yang sangat lama; **(4)** bilangan bantuan pukat yang diberikan sedikit dan jangka masa yang lama (3 tahun) berbanding dengan nelayan daerah lain; **(5)** sumber diesel untuk bot menjadi sukar diperolehi kerana pam minyak di sekitar Dalam Rhu mengalami kerosakan.).



LAWATAN TAPAK 5: KAWASAN PANTAI DALAM RHU

Satu sesi lawatan tapak bagi kawasan Pantai Dalam Rhu telah diadakan. Kawasan persisiran pantai di sini telah pun banyak terhakis akibat daripada ombak yang kuat pada musim tengkujuh. Kawasan air laut telah pun menghampiri kawasan kedai dan rumah yang berhampiran. Menurut laporan dari Ketua Kampung, setiap tahun jarak 2 meter menghampiri darat. Terdapat beberapa kedai berhampiran mengambil inisiatif sendiri dengan membina tembok bagi mengurangkan hakisan.



FGD 8: KOMUNITI PENTERNAK IKAN SANGKAR

FGD 8 ini melibatkan komuniti penternak ikan sangkar Kampung Temila. Sesi ini telah dihadiri oleh 13 orang penternak. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** harga pallet ikan yang mahal; **(2)** harga bahan mentah untuk menghasilkan makanan ikan bertambah; **(3)** ikan baja banyak dihantar ke Thailand, menyebabkan persaingan dalam mendapatkan bekalan ikan baja semakin tinggi; **(4)** ancaman haiwan liar seperti memerang dan biawak; dan **(5)** *gate* air tidak terbuka (air tidak dapat keluar).

FGD 9: KOMUNITI PETANI

FGD 9 ini melibatkan Komuniti Petani di Permatang Sungkai. Sesi ini telah dihadiri oleh 7 orang petani nenas dan padi. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** harga sulur nenas yang mahal (RM 1.50) tidak mampu untuk memulakan pertanian tanpa bantuan Lembaga Nenas; **(2)** gangguan haiwan liar (kera dan babi); **(3)** syarat-syarat untuk menanam yang ketat; dan **(4)** aktiviti korek tanah bukit menyebabkan saliran air tersumbat.



BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu **P.028 Pasir Puteh**

Senarai Jadual

Jadual 1	Keluasan Kawasan Bahagian Pilihan Raya (km ²)
Jadual 2	Pecahan penduduk mengikut kaum di Parlimen Pasir Puteh
Jadual 3	Tentatif Pemetaan Isu Parlimen Pasir Puteh
Jadual 4	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 14	Ringkasan Isu 1
Jadual 15	Ringkasan Isu 2
Jadual 16	Ringkasan Isu 3
Jadual 17	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Pelan Pertanian di kawasan MDPP
---------	---------------------------------

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AKSB	Air Kelantan Sdn Bhd
APPGM-SDG	<i>All Party Parliamentary Group Malaysia- Sustainable Development Goals</i>
DOSM	<i>Department of Statistic Malaysia</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
IAD	<i>Interagency Dialogue</i>
IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
ICU JPM	Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
JBS	Jabatan Belia dan Sukan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MDPP	Majlis Daerah Pasir Puteh
NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
ROS	<i>Registrar of Society</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SPANK	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri Kelantan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
SUK	Setiausaha Kerajaan

1.0 PENGENALAN

Parlimen Pasir Puteh disandang oleh YB Dr. Nik Zawawi Bin Haji Salleh daripada Parti Islam Se Malaysia (PAS) yang telah memenangi kerusi pilihanraya umum (PRU) ke-15 dengan majoriti 29,120 jumlah undian 53,108. Pertembungan empat penjurong pada PRU 15 itu turut melibatkan Kapten Wan Marzuki dari Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG), Datuk Cikgu Awi daripada Barisan Nasional (BN) dan Ustaz Muhammad Husain daripada Pakatan Harapan (PH). Kemenangan beliau mencerminkan sokongan kukuh daripada pengundi di kawasan tersebut yang memperlihatkan pemahaman masyarakat terhadap aspirasi dan perjuangan yang dibawa oleh PAS.



**YB Datuk Dr. Nik
Muhammad Zawawi
Salleh**

Kawasan Parlimen Pasir Puteh terdiri daripada empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Selising, DUN Limbongan, DUN Semerak dan DUN Gaal. Setiap DUN ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam menentukan pembangunan kawasan serta perkhidmatan yang disediakan kepada penduduk setempat. Penubuhan kawasan-kawasan DUN ini bertujuan untuk memastikan jangkauan perkembangan pembangunan dan perkhidmatan kerajaan dilakukan dengan lebih berkesan dan sistematik.

Selain itu, Parlimen Pasir Puteh berada di bawah pentadbiran Daerah Pasir Puteh dan dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP). MDPP berperanan dalam menyediakan perkhidmatan asas seperti pembersihan, pengurusan sisa pepejal, pembinaan infrastruktur asas, serta memastikan kesejahteraan penduduk melalui program-program pembangunan sosio-ekonomi. Pihak berkuasa tempatan ini juga bertanggungjawab dalam merancang dan mengawasi pembangunan bandar dan luar bandar di seluruh kawasan Pasir Puteh.

1.1 Geografi/ Topografi

Dengan keluasan 425 kilometer persegi, Parlimen Pasir Puteh menampung populasi seramai 140,700 penduduk pada tahun 2023¹, menghasilkan kepadatan penduduk sebanyak 331.1 orang per kilometer persegi. Data demografi ini menunjukkan bahawa Pasir Puteh merupakan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang signifikan, yang mungkin memberi implikasi kepada perancangan pembangunan dan pengurusan sumber di peringkat tempatan².

¹ https://www.citypopulation.de/en/malaysia/admin/kelantan/0305__pasir_puteh/

² Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Laporan Kajian Semula Persempadanan (Jilid 1).

Jadual 1. Keluasan Kawasan Bahagian Pilihan Raya (km²)

Kod	Bahagian Pilihan Raya	Luas Kawasan Bahagian Pilihan Raya (km ²)
N.29	Selising	106
N.30	Limbongan	91
N.31	Semerak	128
N.32	Gaal	98
P.028	Pasir Puteh	423

Jadual 1 menunjukkan statistik keluasan Parlimen Pasir Puteh menurut bancian kependudukan 2018. Bagi DUN Selising, keluasan kawasan adalah 106km², DUN Limbongan, 91km², DUN Semerak dengan keluasan 128km² dan DUN Gaal keluasan 98 km².

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia 2020 kawasan Parlimen Pasir Puteh didiami oleh 135,823 penduduk terdiri daripada 135,008 warganegara dan 815 bukan warganegara. Majoriti penduduk di kawasan ini adalah Bumiputera, diikuti lain-lain, Cina dan India.

Jadual 2. Pecahan penduduk mengikut kaum di Parlimen Pasir Puteh


BIL.	KAUM	JUMLAH PENDUDUK
1.	Bumiputera	134,193
2.	Lain-lain	815
3.	Cina	679
4.	India	136
JUMLAH KESELURUHAN		135,008

Sumber: Jabatan Perancangan Malaysia

Jadual 2 menunjukkan majoriti penduduk di Parlimen Pasir Puteh adalah Bumiputera dengan jumlah penduduk 134,193, diikuti lain-lain 815, kaum Cina 679 dan kaum India 136.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Pasir Puteh secara tradisi sejarahnya dikenal pasti sebagai sebuah jajahan di mana sektor utamanya adalah sektor pertanian. Analisis guna tanah berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2035 oleh Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) mendedahkan bahawa pada tahun 2020, guna tanah bagi pembangunan meliputi 13,064.98 hektar (30.73%) dari keseluruhan kawasan MDPP. Sebaliknya, guna tanah semula jadi dan tumbuh-tumbuhan menduduki 29,448.15 hektar (69.27%), menunjukkan ciri-ciri luar bandar yang jelas. Khususnya, 22,118.31 hektar (52.03%) dari jumlah guna tanah ini diperuntukkan untuk kegiatan pertanian, mengesahkan keutamaan sektor ini dalam struktur ekonomi Pasir Puteh.



Rajah 1. Pelan Pertanian di kawasan MDPP

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 1, Pelan Pertanian di kawasan MDPP, penanaman padi merupakan aktiviti pertanian utama, diikuti oleh penanaman getah dan kelapa sawit. Kawasan-kawasan seperti Mukim Selising, Mukim Limbongan, Mukim Tok Uban, dan Mukim Gong Medan dikenal pasti sebagai pusat penanaman padi yang penting dalam kawasan MDPP.

Ini adalah disebabkan oleh ciri-ciri geografi tempatan, terutamanya tanah yang subur dan kawasan rendah yang sesuai untuk penanaman padi berskala besar.

Di samping pertanian, Pasir Puteh juga menunjukkan potensi signifikan dalam sektor perikanan dan industri berkaitan. Lokasi strategik Tok Bali di Pasir Puteh menawarkan peluang untuk pembangunan industri berkaitan perikanan dan pemprosesan makanan. Lebih penting lagi, Tok Bali juga berpotensi untuk berkembang menjadi hab industri gas dengan kewujudan terminal gas sedia ada, yang dapat menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan baharu.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Pasir Puteh, sebuah kawasan Parlimen yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia, negeri Kelantan, memperlihatkan kepelbagaian landskap fizikal merangkumi kawasan pesisir pantai, bandar, dan luar bandar yang dikelilingi sawah padi serta hutan tropika. Kehadiran destinasi alam semula jadi seperti pantai dan tanah lembap yang kaya biodiversiti menawarkan potensi signifikan untuk pembangunan **pelancongan alam semula jadi**. Aspek ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (**SDG**) **14: Kehidupan di Bawah Air, Sasaran 14.4:** mengurangkan pencemaran marin daripada aktiviti pertanian dan **SDG 15: Kehidupan Darat, Sasaran 15.1:** melindungi, memulihkan, dan memajukan ekosistem darat.

Daripada aspek ekonomi, Pasir Puteh didominasi oleh sektor pertanian, terutamanya penanaman padi secara ekstensif, dan perikanan di kawasan pesisir. Tambahan pula, aktiviti perdagangan tempatan serta perkembangan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam pembuatan makanan dan kraf tangan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan. Realiti ekonomi ini menggariskan kaitan **SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.1:** menghapuskan kemiskinan ekstrem, **SDG 2: Sifar Kelaparan, Sasaran 2.3:** meningkatkan pengeluaran dan pendapatan petani kecil, dan **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi, Sasaran 8.2:** meningkatkan produktiviti ekonomi melalui keagamaan, teknologi, inovasi, dan peningkatan pekerjaan berkualiti.

Masyarakat Pasir Puteh kaya dengan warisan budaya Melayu yang terpelihara, dicirikan oleh nilai-nilai kekeluargaan, kerjasama komuniti, dan penghormatan. Seni budaya Melayu yang unik seperti dikir barat, silat, dan permainan tradisional diwarisi turun-temurun, di samping penegasan kuat terhadap nilai-nilai keagamaan Islam yang membentuk kehidupan sosial mereka. Aspek ini sejajar dengan **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** dengan **Sasaran 4.7:** meningkatkan kesedaran global tentang pembangunan lestari dan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari** dengan **Sasaran 11.4:** mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan alam sekitar dunia.

Hubungan sosial di Pasir Puteh adalah erat, terutamanya dalam kalangan komuniti luar bandar, di mana aktiviti gotong-royong, musyawarah, dan pertemuan sosial mengukuhkan ikatan komunal. Walaupun terdapat kawasan bandar kecil, kekuatan sosial masyarakat berakar umbi daripada komuniti luar bandar ini. Ini bersinergi dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari, Sasaran 11.3:** menyokong keupayaan semua negara untuk membangunkan dan memulihkan bandar dan penempatan yang inklusif, selamat, tahan bencana, dan mampan.

Daripada segi nilai sejarah, Pasir Puteh memegang peranan penting dalam naratif perkembangan masyarakat Melayu di pantai timur Malaysia. Kawasan ini tidak menjadi saksi bisu sahaja kepada rentetan peristiwa bersejarah dalam perjuangan kemerdekaan negara. Ianya juga kaya dengan tapak-tapak warisan yang bernilai tinggi, seperti Makam Tok Janggut yang menjadi simbol penentangan terhadap penjajah.³ Usaha memelihara dan melindungi warisan-warisan ini adalah selari dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari**, khususnya **Sasaran 11.4** yang menekankan pengukuhan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan alam sekitar dunia.

Keunikan Pasir Puteh terletak pada kombinasi harmonis antara kawasan pesisir pantai dan kehidupan luar bandar yang tradisi. Produk tempatan seperti ikan masin dan keropok lekor bukan sahaja menarik pelancong tetapi juga memacu perniagaan tempatan. Cara hidup tradisional yang masih diamalkan memberikan Pasir Puteh identiti kebudayaan dan warisan yang istimewa. Potensi ini dikaitkan dengan **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** dengan **Sasaran 8.9:** mengembangkan pelancongan lestari, dengan perhatian kepada penciptaan pekerjaan dan promosi produk budaya tempatan dan **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** dengan **Sasaran 12.5:** mengurangkan penjejakan sisa dan menambah baik pengurusan sumber di seluruh sektor ekonomi termasuk pelancongan dan perikanan.

³ Cheah Boon Kheng, *To' Janggut: Legends, Histories and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan* (Singapore: NUS Press, 2018)

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pengumpulan data untuk lawatan tapak di Parlimen Pasir Puteh dilakukan melalui kaedah kajian lapangan dan perbincangan kumpulan fokus. Peringkat awal yang dimulakan dengan pengumpulan data telah dilakukan pada 16 Januari 2025. Dr Siti Nur Ain dan Nur Syahida, telah mengadakan mesyuarat pembentukan profil Parlimen Pasir Puteh bersama YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Ahli Parlimen Pasir Puteh, di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh. Agenda mesyuarat adalah untuk pengenalan APPGMSDG serta membincangkan draf tentatif lawatan, kumpulan sasaran serta permasalahan yang sedia ada di Parlimen Pasir Puteh.

Tarikh untuk lawatan tapak Parlimen Pasir Puteh semasa perbincangan adalah pada 18-20 Februari 2025. Pada 28 Januari 2025, sesi pembentukan profil bagi Parlimen Pasir Puteh telah dijalankan secara dalam talian oleh Dr. Siti bersama Pegawai Khas Ahli Parlimen, Ustaz Zuraihan. Perbincangan ini bertujuan mengenal pasti keadaan tempatan, komuniti akar umbi, serta isu-isu utama yang memerlukan perhatian. Manakala sesi pra-lawatan ke Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh sebagai persediaan untuk lawatan pemetaan isu telah dilakukan pada 4 Februari. Akhir sekali, sesi pengutamaan isu bersama Ahli Parlimen Pasir Puteh telah dilakukan pada 17 Mac 2025 bertujuan mengenal pasti cabaran utama dalam komuniti dan mencari penyelesaian mampan.

Teknik yang telah digunakan adalah melalui kaedah perbincangan fokus berkumpulan (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh empat orang penyelidik APPGM-SDG bersama komuniti semasa lawatan tapak diadakan. Penyelidik terlibat bagi pemetaan isu Parlimen Pasir Puteh adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------------------------|------------------------|
| 1. Dr. Siti Nur Ain | : Ketua Penyelidik |
| 2. Nur Syadhira Mohd Razali | : Penyelidik APPGM-SDG |
| 3. Nur Syahida Zol | : Penyelaras Tempatan |
| 4. Rozlan B. Daud | : Penyelaras Tempatan |

Terdapat 9 *Focus Group Discussion* (FGD) dan tiga lawatan tapak yang telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan setempat Parlimen Pasir Puteh seperti Jadual 2.

Jadual 3. Tentatif Pemetaan Isu Parlimen Pasir Puteh

TARIKH	PERKARA
16 Januari 2025 , Khamis	Mesyuarat Awalan: Ahli Parlimen Pasir Puteh
4 Februari 2025 , Selasa	Pra-Lawatan: Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh
18 Februari 2025 , Selasa	• Sesi Dialog 1: Komuniti Penjaja Selising • Sesi Dialog 2: Penternak Lembu Kampung Dan Sado • Sesi Dialog 3: Persatuan Insan Istimewa Kelantan • Lawatan Tapak 1: Jeram Pasu
19 Februari 2025 , Rabu	• Lawatan Tapak 2: Penanaman Nenas Kg Permatang Sungkai • Sesi Dialog 4: Ibu Tunggal • Sesi Dialog 5: Belia Dan Ngo • Sesi Dialog 6: Komuniti Siam Semerak
20 Februari 2025 , Khamis	• Sesi Dialog 7: Nelayan Semerak • Lawatan Tapak 3: Hakisan Pantai Bisikan Bayu • Sesi Dialog 8: Penternak Ikan Sangkar • Sesi Dialog 9: Petani Sawah Dan Nenas
17 Mac 2025 , Isnin	Pengutamaan Isu: Ahli Parlimen Pasir Puteh
13 April 2025 , Ahad	Sesi Libat Urus: Agensi Kerajaan

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Pasir Puteh, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Kekangan yang pertama adalah sesi perubahan jadual sesi dialog yang sepatutnya berlaku pada hari kedua pemetaan isu. Situasi yang berlaku adalah, sesi ini diadakan bersama dengan sesi penyerahan bantuan oleh YB Exco Pertanian Kelantan, kesannya perkara ini telah mengambil masa yang agak lama kerana ini termasuk lawatan tapak penanaman nenas pada masa yang sama. Justeru, ketua penyelidik telah mengambil alternatif untuk mengubah sesi ini dan mendapat persetujuan untuk melakukan sesi yang sepatutnya dijalankan pada hari ketiga, iaitu sesi terakhir.

Kehadiran peserta yang tidak mengetahui tujuan utama kedatangan penyelidik juga menjadi kekangan. Bagi sesi FGD bersama ibu tunggal, kehadiran yang agak ramai berlaku tetapi peserta yang hadir menyangkakan pemberian bantuan untuk ibu tunggal. Beberapa peserta juga merupakan wakil kepada ibu tunggal lain yang tidak dapat hadir kerana menyangkakan akan mendapat bantuan barangan. 80 peratus peserta yang hadir juga adalah daripada kalangan warga emas yang kurang mahir dalam menjawab soalan dan kurang maklumat tentang isu-isu atau keadaan sekeliling.

Kehadiran peserta yang kurang memuaskan berlaku bagi sesi bersama petani dan juga sesi bersama penjaja. Bagi sesi bersama petani dan juga penanam nenas, hanya lima orang yang aktif memberi maklum balas dengan kehadiran seramai lapan orang keseluruhan. Selain itu, untuk sesi dialog bersama penjaja, penjaja yang ada hanya empat orang yang memang bekerja sepenuh masa sebagai penjaja dan selebihnya yang lain hanya separuh masa sahaja.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan pertama, sesi dialog bersama insan istimewa melibatkan bukan sahaja orang kurang upaya dari Pasir Puteh tetapi dari keseluruhan kawasan di negeri Kelantan. Ini menyebabkan input yang diterima bukan sahaja fokus di Parlimen Pasir Puteh tetapi kebanyakan kawasan di Kelantan.

Keterbatasan seterusnya adalah mengenai kualiti rakaman suara. Terdapat satu sesi dialog yang dilakukan di kafe tertutup menyebabkan rakaman suara bergema dan kualiti kurang baik. Selain itu, kehadiran ibu tunggal yang ramai dalam dewan yang agak kecil menyebabkan kumpulan dibahagi dan ditempatkan dalam jarak terlalu dekat, ini menyebabkan rakaman suara yang diterima mempunyai rakaman perbualan daripada kumpulan lain juga. Selain itu, penulis laporan menghadapi kesukaran untuk merekodkan audio daripada sesi libat urus antara agensi disebabkan oleh suara yang jauh dan juga percakapan serentak antara agensi.

Akhir sekali, sesi dialog yang dilakukan bersama petani dan penjaja melibatkan peserta aktif dalam kuantiti kecil menyebabkan sesi dihabiskan awal dari masa yang ditetapkan. Selain itu, penjadualan untuk lawatan tapak telah mengambil masa yang lama, walhal lawatan tapak sebenar hanya dilakukan selama 30 minit sahaja. Ini menyebabkan penyelidik terpaksa menunggu hampir dua jam untuk melakukan sesi dialog seterusnya. Ini berlaku semasa sesi lawatan tapak hakisan pantai Bisikan Bayu.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 4. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekangan bekalan air terawat	Bekalan air kerap tiada dan apabila ada, air yang dibekalkan sering kotor serta berkarat hingga berwarna seperti kopi-O. Tekanan air juga rendah dan berselut, biasanya hanya mampu naik setinggi 8 kaki sahaja serta tidak dapat sampai ke tangki air, lebih-lebih lagi bagi kawasan yang berada di tanah tinggi. Air yang dibekalkan turut menyebabkan kegatalan, berwarna merah dan perlu ditunggu lama sebelum boleh digunakan. Penduduk terpaksa memasang penapis	Sosial	Penduduk Siam, Ibu Tunggal, NGO, Belia	Kg Ketik Buloh, Gong Nangka, Tasik Pauh, Saring, Kawasan Cherang Ruku. Wakaf Gunung, Banggol Telipot, Cherang Ruku. Selising, Saring, Kg Ketik Buloh	SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.5: Menjelang 2030, melaksanakan pengurusan sumber air bersepadu pada semua peringkat, termasuk melalui kerjasama rentas sempadan mengikut kesesuaian. SGD 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		air dengan kos antara RM2,000–RM3,000 namun masih tidak dapat membasuh pakaian putih dengan baik. Malah, ada yang terpaksa memasang pachang atau air boring menggunakan pam enjin dengan kos yang tinggi semata-mata untuk mendapatkan bekalan air.				
2.	Konflik nelayan	Kapal dari <i>Tok Bali Supply Base</i> (TBSB) merempuh pukat bot Zon A kerana kumpulan nelayan tidak mengetahui laluan kapal tersebut dan tidak pernah dimaklumkan mengenainya. Nelayan juga berdepan kesukaran mendapatkan lesen untuk pewaris serta proses mendapatkan kad nelayan yang rumit. Selain itu, mereka sukar mendapatkan resit di Caltex Bisikan Bayu untuk subsidi minyak petrol kerana mesin pencetak rosak dan tidak	Sosial, Ekonomi dan Tadbir Urus	Nelayan	Tok Bali	SDG 2: Sifar Kebuluran Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		diganti. Lesen khas udang yang sepatutnya hanya diberikan untuk tempoh tiga bulan pula disalahgunakan sehingga melebihi tempoh tamat.				SDG 14: Kehidupan di Bawah Air Sasaran 14.4: Menjelang 2020, mengawal selia aktiviti penangkapan dengan berkesan dan menghentikan tangkapan ikan secara berlebihan, perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia serta amalan perikanan yang bersifat merosak, dan melaksanakan rancangan pengurusan berasaskan sains untuk memulihkan bekalan ikan dalam masa yang singkat dan munasabah, sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan pengeluaran hasil maksimum yang lestari seperti yang ditentukan menurut ciri biologi ikan.
3.	Kesukaran mendapatkan bekalan barang bersubsidi	Peniaga dan penjaja kecil-kecilan sukar mendapatkan minyak paket kerana tiada di pasaran. Pembelian minyak bersubsidi juga dikenakan syarat oleh pembekal, iaitu	Sosial dan Ekonomi	Peniaga / Penjaja	Selising	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem perlindungan sosial dan langkah yang sesuai pada peringkat kebangsaan untuk semua,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perlu membeli 10kg gula terlebih dahulu sebelum boleh mendapatkan 10kg minyak paket, menyebabkan berlaku lebihan gula.				termasuk rakyat jelata, serta meliputi sebahagian besar golongan miskin dan berisiko menjelang 2030.
4.	Kos mengusahakan pertanian dan penternakan tinggi	Kos operasi setiap kali menanam padi mencecah RM1,000, namun subsidi hanya diberikan untuk baja dan ia masih tidak mencukupi kerana memerlukan baja tambahan. Racun loyat 500gm diperlukan untuk setiap ekar tetapi hanya mendapat lima pam sahaja. Bantuan baja daripada KADA pula masih tidak diterima walaupun penanaman padi sudah bermula lebih sebulan, manakala KADA juga dilihat tidak telus dalam membantu petani sedangkan sepatutnya berperanan dalam isu pengairan bagi meningkatkan kualiti hasil padi.	Sosial, Ekonomi dan Tadbir Urus	Petani, Penternak ikan sangkar, Penternak lembu	Kg Permatang Sungkai , Kg Permatang Rambai, Bukit Abal	SDG 2: Sifar Kebuluran Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan serta melaksanakan amalan pertanian

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Kenaikan harga makanan ikan (<i>pallet</i>) turut menyebabkan penternak menanggung kos yang tinggi sehingga keuntungan tidak sepadan. Kekurangan sumber ikan baja untuk menghasilkan makanan proses sendiri juga berlaku kerana ikan baja dieksport ke Thailand oleh pembekal atau pengilang, sedangkan kos membuat dedak sendiri lebih mahal berbanding membeli dedak siap. Bekalan anak benih ikan, khususnya patin, juga sukar diperoleh di Kelantan sehingga penternak terpaksa mengimport daripada pembekal di Perak. Bagi penternak lembu pula, harga makanan tambahan meningkat apabila dedak naik daripada RM54 ke RM56, manakala soya daripada RM65 ke RM70. Seekor lembu memerlukan purata empat			Gong Chepa Selising	berdaya tahan bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif. SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.3: Menghapuskan semua amalan berbahaya, seperti perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan awal dan perkahwinan paksa serta mutilasi alat kelamin perempuan.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		beg makanan sebulan dengan kos RM58–RM60 sebeg bagi menjadikan jumlah sekitar RM240 seekor sebulan. Kos juga bertambah kerana benih lembu berharga RM100–RM180 satu straw di swasta, manakala bekalan daripada Jabatan Veterinar terhad hanya 20 straw bagi setiap daerah. Tambahan pula, ketiadaan padang ragut selepas tanah tersebut dijadikan tapak pembinaan Stadium Bukit Merbau memaksa penternak membeli lebih banyak makanan untuk ternakan mereka.				
5.	Fenomena banjir	Pembinaan rumah kediaman di kawasan ini kebanyakannya tidak mempunyai sistem saliran yang baik. Keadaan menjadi lebih teruk apabila projek pembinaan ECRL menyekat laluan air sehingga kawasan	Sosial dan Alam Sekitar	OKU, Petani, Belia Komuniti Siam Penjaja	Selising, Batu Hitam, Kg Permatang Sungkai, Permatang Gading ,	SGD 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang sebelum ini tidak pernah dilanda banjir kini mengalami banjir besar dan air termenung. Selain itu, pembinaan terowong di laluan jalan kampung yang merentasi projek ECRL tidak mengikut spesifikasi kerana hanya memuatkan sebuah kereta dalam satu-satu masa, sekali gus menyusahkan penduduk.			Bukit Abal, Seligi	kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.
		Ketiadaan longkang saluran di kiri dan kanan jalan serta saiz saluran pembentung air (<i>culvert</i>) yang kecil menyebabkan air tidak dapat dialirkan dengan sempurna ketika hujan lebat. Keadaan ini turut menyumbang kepada banjir kilat termasuk di hadapan Balai Polis Selising, di mana longkang yang sempit gagal menampung jumlah air yang banyak pada musim hujan.			Jalan bypass, Kg Wakaf Tukut, Kg. Naka, Selising	

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Pengurusan Sisa Pepejal yang tidak sistematik	Kawasan ini berdepan dengan masalah pengurusan sisa pepejal yang serius. Kekurangan tong sampah menjadi punca utama, malah tong yang disediakan pula berada jauh dari kawasan perumahan. Akibatnya, penduduk memilih untuk membuang sampah di kawasan tanah lapang berhampiran sawah padi atau di tepi jalan. Longgokan sampah yang tidak terkawal ini bertambah buruk apabila terdapat pihak luar yang turut membuang sampah dalam kuantiti besar di kawasan berdekatan sungai. Selain itu, kekurangan lori sampah untuk membuat kutipan di seluruh kawasan Pasir Puteh menyebabkan proses pengambilan sampah menjadi lambat, sekali gus menimbulkan lambakan. Keadaan lebih	Alam Sekitar	Komuniti Siam, Penjaja	Cherang Ruku, Padang Pak Umar, Selising, Kampung Tengah, Kg Ketik Buloh, Kg Ketik Naka Pasir Puteh, Cherang Ruku	SGD 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.6: Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan tumpuan khusus pada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Sasaran 12.4: Menjelang 2020, mencapai pengurusan bahan kimia dan semua sisa buangan mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, sejajar dengan rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan mengurangkan secara signifikan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		membimbangkan apabila lokasi tempat pembuangan sampah terletak betul-betul di hadapan Sekolah Cherang Ruku. Lokasi ini tidak sesuai kerana menjejaskan keceriaan sekolah, mengganggu kesihatan pelajar serta menyebabkan pencemaran bau yang memberi ketidakselesaan kepada warga sekolah.				Sasaran 12.5: Menjelang 2030, mengurangkan penghasilan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Penjaja Selising Tarikh: 18 Februari 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan/ perniagaan	Tidak mendapat makluman tentang bantuan kebajikan atau perniagaan. Pernah mohon KADA selama 2 tahun tetapi masih tidak diluluskan dan tidak dimaklumkan sebab. Permohonan E-Kasih diluluskan tetapi setelah beberapa lama, dimaklumkan tidak dapat disalurkan kerana tiada peruntukan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menerima semua bantuan daripada ketua komuniti atau agensi sekiranya ada penduduk yang tidak menerima bantuan. Hantar borang yang lengkap dan JKM akan memprosesnya. JKM mengalu-alukan mana-mana jabatan atau pegawai untuk sama-sama membuat pameran atau penerangan untuk menyampaikan maklumat bantuan JKM. JKM menegaskan bahawa E-Kasih tidak terlibat dengan JKM dan ianya terletak di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Kelulusan permohonan perlu dilihat daripada segi syarat bantuan dan jika pemohon ada menerima bantuan E-kasih. Tempoh sah permohonan adalah dalam tempoh 6 bulan. Sekiranya lebih dari tempoh tersebut permohonan dianggap tidak berjaya. KADA mempunyai jawatankuasa untuk memilih dan meluluskan permohonan. KADA telah meluluskan sebanyak 1800 permohonan bantuan untuk tahun 2023 dan 2024. Bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada peruntukan yang diterima. Pemohon perlu mendaftar dengan E-Kasih terlebih dahulu sebagai syarat utama kelayakan. Jika semasa meluluskan permohonan ada permohonan yang tercicir pegawai akan ambil maklum dan dibawa ke perbincangan seterusnya untuk diluluskan. Jika ada maklumat dalam permohonan yang tidak lengkap pegawai akan maklum kepada empunya permohonan untuk melengkapkan permohonan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kesukaran mendapatkan bekalan barang bersubsidi	Peniaga dan penjaja kecil-kecilan sukar mendapatkan minyak paket kerana tiada di pasaran. Pembelian minyak bersubsidi dikenakan syarat oleh pembekal, iaitu perlu membeli 10kg gula baru boleh dapatkan 10kg minyak paket menyebabkan lebihan gula.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Kenaikan harga barang	Kenaikan harga barang untuk berniaga seperti bawang, gula, tepung dan lain-lain. Kenaikan harga pisang. Pada tahun lepas, harga RM 25.00 /10 kg, sekarang RM 53.00/15 kg (4:50). Kenaikan harga tepung gandum: sebelum ini RM 1.70 sekarang RM 3.50.	<i>Tiada maklum balas</i>
4.	Kawalan sempadan dipertingkatkan menyukarkan peniaga	Peniaga mempunyai kesukaran mendapatkan bekalan barang dari Thailand kerana kawalan sempadan diketatkan, barangan Thailand lebih murah berbanding Malaysia.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Fenomena Banjir	Banjir di hadapan balai Polis Selising disebabkan longkang yang ada kecil dan tidak dapat menampung jumlah air semasa musim hujan.	<i>Tiada maklum balas.</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Penternak Lembu Kampung dan Sado Tarikh: 18 Februari 2025 Bilangan peserta: 14 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Haiwan (Veterinar) 2. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan penternakan	Geran sejati MADANI hanya diagihkan kepada penternak berkelompok yang rapat dengan penghulu dan dalam kalangan AJK sahaja. Perbezaan fahaman politik menyebabkan penghulu tidak berkongsi maklumat tentang geran sejati MADANI. Iklan pertanian tidak dihebahkan contohnya program agropreneur muda.	Jabatan Haiwan (Veterinar) Makluman berkaitan bantuan jabatan boleh diperolehi melalui perkhidmatan kaunter pejabat atau melayari laman web jabatan di https://veterinar.kelantan.gov.my. Maklumat berkaitan juga telah disalurkan kepada pemimpin masyarakat. Bentuk-bentuk bantuan yang disediakan merangkumi induk ternakan, peralatan dan mesin, serta geran bantuan penuh dan separa penuh. Terdapat bantuan yang meliputi 100 peratus permohonan, manakala ada juga yang memerlukan penternak menanggung 90 peratus kos dan 10 peratus ditanggung oleh kerajaan. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Program geran Sejati MADANI dana yang diluluskan kepada akaun kelompok, tidak akan dipantau

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			daripada segi kewangan. Namun pemantauan dibuat di tapak secara fizikal sahaja. Jadi isu geran tidak dibahagikan sama rata kepada yang terlibat, sebolehnya pengadu boleh membuat aduan kepada SPRM kerana sebelum permohonan dibuat, kelompok telah mengisi borang akujanji termasuk lampiran 5 surat akujanji SPRM. Program geran Sejati MADANI dana yang diluluskan kepada akaun kelompok, tidak akan dipantau dari segi kewangan. Namun pemantauan dibuat di tapak secara fizikal sahaja. Jadi isu geran tidak dibahagikan sama rata kepada yang terlibat, sebolehnya pengadu boleh membuat aduan kepada SPRM kerana sebelum permohonan dibuat, kelompok telah mengisi borang akujanji termasuk lampiran 5 surat akujanji SPRM. Apabila geran Sejati MADANI diiklankan hampir 1,133 permohonan untuk geran diterima dan ia melebihi had yang ditetapkan, kalau diikutkan dana yang diperuntukkan hampir habis disalurkan kerana permohonan melebihi had kuota. Masih menunggu peruntukan tambahan daripada MOF untuk memberi geran kepada pemohon.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kos mengusahakan penternakan tinggi	Harga makanan tambahan untuk lembu, iaitu dedak meningkat daripada RM54 ke RM56. Manakala harga bagi soya pula daripada RM65 ke RM70.	Jabatan Haiwan (Veterinar) Peningkatan harga makanan haiwan adalah disebabkan oleh peningkatan harga bahan mentah untuk membuat makanan, iaitu soya <i>bean</i> dan jagung. Harga makanan ternakan meningkat atas faktor kos bahan mentah yang diimport (jagung dan soya) serta kos pengangkutan. Tiada kilang makanan haiwan di negeri Kelantan dan hanya terdapat di Pulau Pinang menyebabkan peningkatan kos pengangkutan sekaligus peningkatan harga makanan haiwan. Penternak digalakkan untuk memproses sendiri makanan ternakan dan pihak Jabatan sentiasa dan bersedia membantu usahawan atau pengilang yang berminat untuk membuka kilang memproses makanan haiwan di negeri Kelantan.
		Purata bagi seekor lembu, RM 58-RM 60 bagi 1 bag makanan, sebulan memerlukan 4 bag makanan menjadikan purata harga makanan bagi seekor lembu menjadi RM 240.00 sebulan.	Jabatan Haiwan (Veterinar) Penternak dinasihatkan memberi makan lebih rumput berbanding dedak kepada ternakan bagi mengurangkan kos dedak. Kadar pemberian dedak adalah bergantung kepada jenis ternakan yang dipelihara. Dedak haiwan adalah sebagai makanan tambahan sahaja dan bukan sebagai makanan utama. Rumput

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			70 peratus manakala dedak adalah 30 peratus kerana kebanyakan penternak di Kelantan mengambil jalan mudah untuk memberi dedak berbanding dengan memberi rumput. Jabatan menyediakan bantuan untuk penternak menanam rumput, namun persediaan tapak perlu disediakan oleh penternak. Bantuan tanaman rumput termasuk daripada jabatan Pertanian.
		Benih lembu berharga RM 100-180 satu straw di swasta dan daripada Veterinar hanya terhad 20 straw untuk satu Daerah.	Jabatan Haiwan (Veterinar) JPVNC telah memperuntukkan lebih 20,000 straw benih lembu setahun untuk diagihkan secara percuma kepada semua jurusuntik bertauliah (DIY) menjalankan urusan pernianian beradas (AI) dalam negeri Kelantan. Agihan benih lembu terhad 20 straw bagi setiap jenis baka lembu bagi setiap permohonan. Jika jurusuntik (DIY) mohon untuk 3 jenis baka lembu, sebanyak 60 straw benih lembu akan diberikan. Jabatan ada membekal benih lembu kepada penternak sama ada benih tempatan dan juga benih import. Bekalan benih adalah terhad bergantung pada peruntukan yang disediakan. Terdapat juga jajahan yang menggunakan peruntukan benih, akan dibincang untuk dibawa ke jajahan yang banyak perlu benih lembu. Jabatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Veterinar sentiasa memohon untuk ditambah peruntukan untuk membekal benih lembu kepada penternak melalui RMK-13.
		Perlu membeli lebih makanan kerana tiada padang ragut selepas tanah ragut dijadikan tapak pembinaan stadium Bukit Merbau.	Jabatan Haiwan (Veterinar) Penternak yang ada kawasan atau tanah yang sesuai boleh memohon bantuan tanaman rumput dengan jabatan (terhad 2 ekar sahaja). Tanah rezab haiwan telah diambil untuk membuat pembinaan stadium. Penternak tiada tempat khusus untuk menternak haiwan dan ada penternak menjual lembu-lembu milik mereka. Kerajaan sepatutnya menggantikan rezab haiwan yang lain selepas tapak sedia ada telah diambil seperti tanah rezab Melayu.
		Ketiadaan mesin <i>chopper</i> untuk memproses sisa pertanian menjadi dedak lembu.	Jabatan Haiwan (Veterinar) Penternak yang telah mengusahakan tanaman rumput jenis Napier boleh memohon bantuan mesin chopper dengan jabatan (dengan luas minima 0.5 ekar).
3.	Persaingan pasaran import dan tempatan	Harga daging lembu import dijual lebih murah berbanding lembu tempatan.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Persatuan Insan Istimewa Kelantan Tarikh: 18 Februari 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) 3. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan	Bantuan EPC (Elaun Pekerja Cacat) RM450 rendah dan tidak mampu menampung kerana gaji bekerja juga adalah kecil. Sukar untuk mendapat bantuan rumah daripada MAIK kerana syarat yang ketat kepada OKU terutama syarat pemilikan tanah. Ini kerana majoriti OKU tidak ada tanah sendiri. Tiada kelebihan sewa tapak perniagaan di pasar/bazar kepada OKU, perlu bersaing dengan orang awam untuk mendapatkan tapak premis.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Jumlah yang ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM450 sebagai elaun Pekerja Cacat dan bantuan ini bukan sepatutnya menjadi sumber pendapatan utama. Elaun ini adalah untuk menggalakkan OKU untuk bekerja. Elaun ini bukan sebagai pendapatan utama kepada OKU dan sepatutnya OKU perlu bekerja untuk mendapat sumber pendapatan. Majikan tempat OKU bekerja sepatutnya mengikuti penetapan yang dibuat oleh kerajaan, iaitu gaji minimum dan tiada isu OKU mendapat gaji yang lebih kecil. Kelebihan kepada OKU untuk berniaga dan pihak JKM tidak terlibat berkaitan isu sewaan tapak berniaga pasar malam atau bazar kepada OKU. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Sekiranya ada dasar/polisi boleh diselesaikan di peringkat daerah, MDPP akan cuba untuk menyelesaikan di peringkat daerah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Peluang pekerjaan terhad	OKU tidak diambil bekerja dan pernah berlaku diberhentikan serta merta pada hari pertama lapor diri untuk kerja. Sektor kerajaan juga gagal untuk mengambil pekerja daripada golongan OKU walaupun mereka layak daripada segi kelulusan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM tidak terlibat dengan isu pekerjaan OKU dan majikan. OKU perlu melaporkan kepada JTK sekiranya isu pekerjaan berlaku pada OKU. Isu pekerjaan di luar bidang JKM. Untuk pengambilan pekerja dari kalangan OKU, JKM tidak boleh menjawab kerana bukan bidang JKM namun pusat pengambilan ini diurus oleh SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, mungkin OKU boleh membuat aduan pada persatuan pertubuhan untuk melihat berapa peratus jumlah pengambilan pekerjaan dalam setiap jabatan. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) OKU perlu membuat laporan pada PERKESO sekiranya mereka diberhentikan oleh majikan dan PERKESO akan memberi bantuan selama enam bulan sebelum mereka mendapat pekerjaan baru. Kehilangan pekerjaan, PERKESO akan membantu individu untuk dapatkan pekerjaan. Sekiranya individu dibuang kerja kerana masalah jenayah atau disiplin, PERKESO tidak akan bertanggungjawab untuk kes berkenaan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Penyalahgunaan kemudahan OKU	Tempat meletak kenderaan di kawasan berlabel OKU juga digunakan oleh orang normal. Ada yang menyalahgunakan laluan <i>ramp</i> sebagai tempat letak kenderaan motor. Tandas OKU yang disediakan tidak muat untuk kerusi roda masuk ke lorong tandas.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Pihak MDPP sentiasa membuat rondaan di kawasan bandar. Penguatkuasaan sentiasa dibuat oleh pihak MDPP dan saman akan dikeluarkan kepada mereka yang menggunakan kemudahan OKU. MDPP juga mengikut garis panduan perancangan negeri. Saman boleh dikenakan kepada orang ramai yang menggunakan kemudahan OKU.
4.	Pengurusan kemudahan OKU yang tidak mesra	Syarat memperbaharui kad OKU rumit dan jika melakukan kesilapan kecil, perlu berulang kali ke pejabat JKM yang mengenakan kos ulang alik dan kesukaran bagi OKU juga untuk bergerak. Pembaharuan kad adalah cabaran OKU untuk mengumpulkan dokumen yang diperlukan seperti rekod pengesahan rawatan hospital yang lama-lama dan ada juga sudah lama tidak ke hospital kerana sukar bergerak. Syarat perbaharui kad perlu diselaraskan kerana berbeza mengikut tempat, ada yang memerlukan pengesahan penghulu dan ada yang tidak perlu. Geran pentadbiran bagi menggerakkan persatuan adalah rendah.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kad OKU perlu ditukarkan kad baharu kerana kerajaan telah mengklasifikasikan kad OKU kepada jenis OKU. Selain itu, kerajaan juga telah mendigitalkan kad OKU yang mana pada kad tersebut ada kod digital, bar dan QR kod. Kesilapan kecil sebenarnya kesilapan OKU kerana mereka tidak memahami kehendak pada keperluan kad tersebut. Tidak perlu pengesahan rawatan untuk membuat pembaharuan kad OKU. Pembaharuan kad OKU menggunakan 1 borang sahaja dan hanya perlu dapat pengesahan Pegawai Perubatan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Bagi elaun bantuan yang lain perlu ada pengesahan rawatan daripada pakar perubatan untuk mengesahkan jenis-jenis penyakit OKU seperti bantuan OKU penglihatan, Pendengaran, OKU fizikal dan sakit terlantar atau sakit kronik. Sekiranya pesakit tersebut mendapat rawatan dalam masa 3 bulan berturut-turut, maka ia dikira sebagai sakit fizikal. Bagi kad OKU tidak perlu ada pengesahan rawatan. Hanya perlu isi borang bagi mengesahkan jenis OKU. Salah faham berlaku dalam kalangan OKU untuk membuat pembaharuan kad dan permohonan bantuan. Pengesahan penghulu adalah untuk mengesahkan OKU yang tidak bekerja. OKU yang menerima EPC (Elaun Pekerja Cacat) sebagai inisiatif kerana bekerja. Namun bila OKU tidak bekerja kerana bergantung kepada EPC, JKM akan menurunkan bantuan dari EPC kepada BTB (Bantuan Tidak Bekerja) kepada OKU dan biasanya ini akan menyebabkan OKU mengamuk. BTB perlu mendapatkan pengesahan doktor, apa alasan OKU untuk tidak bekerja sebagai contoh kaki patah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			JKM memohon kepada DO untuk membuat penerangan tentang bantuan kebajikan kepada ketua komuniti termasuk penggawa, penghulu dan YB sendiri untuk menerangkan tentang penambahan dan perubahan syarat dan jumlah bantuan bagi tahun 2025. Bantuan EPC lagi sukar dan jumlah elaun sebanyak RM450 manakala BTB adalah sebanyak RM300. Bantuan pentadbiran bergantung kepada jawatankuasa negeri dan persekutuan. JKM Daerah hanya mengangkat permohonan atau geran kepada JKM negeri dan persekutuan.
5.	Keperluan kemudahan infrastruktur jalan yang sesuai	Tiada cermin cembung disediakan di Jalan Bukit Merbau yang bengkok bengkok menyebabkan kemalangan kerap berlaku dan ada yang maut.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Petani Tarikh: 19 Februari 2025 Bilangan peserta: 7 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 2. Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) 3. Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL) 4. Ahli Parlimen Pasir Puteh 5. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)
1.	Kos mengusahakan pertanian dan penternakan tinggi	Kos operasi setiap kali buat padi ialah 1000, hanya baja dapat subsidi dan tidak mencukupi, perlu baja tambahan, racun loyat 500gm diperlukan 1 ekar hanya dapat 5 pump.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Kerajaan telah memberi Subsidi sebanyak RM1332 perheкта meliputi baja, racun dan tenggala yang merupakan bantuan besar. KADA memberi bantuan alaun bulanan sebanyak RM200 sebulan sepanjang 1 musim iaitu berjumlah RM600. Selain itu, petani juga mendapat subsidi padi sebanyak RM500 pertan, subsidi benih dan tabung bencana.
		KADA tidak telus dalam membantu petani sepatutnya bersuara membantu pengairan padi bagi menghasilkan kualiti yang lebih baik.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Semua yang melibatkan isu bekalan air untuk tanaman padi adalah disebabkan oleh kebolehoperasi pam air KADA di Ketereh. KADA membuat catuan air bertujuan untuk memastikan semua kawasan tanaman padi mendapat bekalan air walaupun tidak sepenuhnya. Masalah air ini berpunca daripada masalah paras air sungai Kelantan menurun di bawah paras rumah pam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			air KADA. Masalah isu bekalan air ini telah dialami hampir 5 tahun. Tindakan penyelesaian KADA telah membuat projek rumah pam Kemubu 3 dan dijangka siap pada tahun 2025 di mana pam lebih rendah daripada sedia ada. Selain itu, 1 lagi peruntukan projek rumah pam yang diluluskan sebanyak RM20juta oleh kementerian Pertanian dan dijangka siap pada September 2025. Masalah air di seluruh kawasan Pasir Puteh dijangka dapat diselesaikan selepas rumah pam baru ini siap. Penyelesaian jangka segera yang telah dibuat oleh KADA ialah pum mudah alih, pembinaan <i>tube well</i> dan pemberian diesel kepada petani yang mempunyai pam-pam kecil.
		Bantuan baja dari KADA masih tidak diterima walaupun sudah sebulan memulakan penanaman padi.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Tidak pasti tahun bila, cuma diakui berlaku kelewatan penghantaran pada tahun 2023 dan 2024 kerana ada masalah bahan mentah untuk buat baja yang diimport daripada Ukrain di mana Ukrain mengalami perang dengan Rusia. Pada tahun 2025 tiada masalah berkenaan pengedaran baja. Petani apabila berdaftar dengan KADA akan mendapat bantuan baja.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		BERNAS memotong sehingga 30%-40% dengan alasan padi basah walaupun pada musim kemarau.	Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) Mengikut rekod BERNAS, tiada sebarang transaksi pembelian padi yang melibatkan pemutuan sehingga 30-40% di Kampung Permatang Sungkai dan Kampung Permatang Rambai seperti yang didakwa. Berdasarkan rekod belian padi oleh Kilang Beras BERNAS (KBB) bagi Musim 1/2024, hanya seorang pesawah dari Kampung Permatang Sungkai telah menjual hasil padinya kepada KBB, dengan kadar pemutuan sebanyak 20%. Pada Musim 2/2024, pesawah yang sama sekali lagi menjual hasil padi kepada KBB dan kadar pemutuan yang dikenakan adalah sebanyak 21%. Hasil semakan lanjut ke atas rekod pembelian juga mendapati tiada sebarang rekod transaksi penjualan padi oleh pesawah dari Kampung Permatang Rambai bagi kedua-dua musim berkenaan.
		Anak benih nenas mahal dan kos untuk permulaan penanaman nenas agak besar bagi mereka yang baru nak mulakan tanaman nenas.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Baja dan folier untuk nenas mahal untuk menghasilkan nenas berkualiti.	
2.	Hebahan geran tidak menyeluruh	Iklan pertanian tidak dihebahkan contohnya agropreneur muda	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Sistem pengairan dan saliran	Pam KEMUBU tidak mampu menampung keluasan pertanian padi.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Aduan pernah dibuat tetapi petani dimaklumkan sunction Pam KEMUBU terangkat kerana kuantiti air berkurang.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Petani difahamkan terdapat 1000 lebih kerja korek pasir berhampiran Pam KEMUBU menyebabkan sungai semakin dalam dan paras air menjadi rendah.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Isu pengorekan pasir bukan di bawah bidang kuasa KADA dan ini di bawah Pejabat Tanah dan Galian.
		KADA seolah tidak memahami mengenai keperluan utama padi iaitu pengairan yang mana musim kemarau sangat memerlukan bantuan pengairan.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Isu pengairan atau parit juga melibatkan beberapa agensi, ada di bawah JPS, JKR dan PBT sendiri pun ada. Kebiasanya jika di bawah seliaan KADA untuk mencuci parit, KADA boleh selesai kerana kos yang kecil dan KADA mempunyai jentera sendiri. Istilah parit dalam bendang di bawah KADA, tepi jalan di bawah JPS dan PBT. Setiap musim, projek cuci parit sentiasa dijalankan oleh pihak KADA.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pam KEMASIN yang lebih dekat dengan Pasir Puteh tidak dijadikan sumber pam utama di Pasir Puteh.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Pam KEMASIN adalah berfungsi untuk mengeluarkan air daripada sawah padi. Pemasangan pam di Kubang Besar, Gedombak, dan Tok Ajam untuk membekal air dan pengairan di kawasan Pasir Puteh.
		JPS dan KADA tidak melakukan cuci parit tepi jalan.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Setiap musim, projek cuci parit sentiasa dijalankan oleh pihak KADA.
		Benteng piling hasil kerja-kerja ECRL yang ditinggalkan menghalang laluan air mengalir ke sungai besar.	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL) Sudah berada dalam pengetahuan dan telah dibincangkan sekarang dalam proses mengatasi isu yang terjadi. Lambat dalam mengatasi isu ini adalah disebabkan ramai tenaga bekerja yang cuti panjang selama 2 bulan untuk pulang ke negara masing-masing.
		Air di dalam tali air berkurangan dan terpaksa dicatu untuk tanaman padi. Adakala penduduk terpaksa membuat benteng di dalam tali air bagi mengalirkan air ke dalam petak sawah.	<i>Tiada maklum balas.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Ancaman haiwan liar dan haiwan ternakan berkeliaran	Babi hutan menyerang tanaman nenas pada peringkat usia 1 – 4 bulan. Babi juga akan menyebarkan penyakit kepada pokok nenas iaitu penyakit yang dikenali sebagai Bakteria Heart Rot (BHR). Kera akan mengganggu tanaman nenas apabila pokok mula mengeluarkan buah. Kumpulan lembu yang ramai merosakkan kebun tanaman.	<i>Tiada maklum balas.</i>
5.	Fenomena Banjir	Pembinaan ECRL menyekat laluan air menyebabkan kawasan yang tidak pernah banjir, dilanda banjir besar dan air termenung. Pembinaan terowong di laluan jalan kampung merentas projek ECRL tidak mengikut spesifikasi kerana memuatkan 1 buah kereta sahaja yang boleh lalu dalam satu-satu masa.	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL) Pihak kontraktor telah membina saluran dan parit untuk mengalirkan air bagi mengatasi masalah banjir. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2025. Masalah terowong jalan kampung pihak MRL memohon maaf kerana saiz terowong adalah berdasarkan jalan asal kawasan tersebut dan tiada orang komen semasa design dahulu. Mengikut legal (undang-undang) setelah siap landasan, mereka tidak boleh ubah apa-apa. Sebelum membuat landasan, mereka telah mengadakan bengkel dengan semua pihak berkepentingan selama 3 hari di Kota Bharu untuk melihat dan menilai semua jalan-jalan masuk dan terowong melalui jalan kampung.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Ahli Parlimen Pasir Puteh Perbincangan telah dibuat bersama pihak CCC dan ECRL, semasa perjumpaan mereka bersetuju untuk membuat jalan 2 line. Hampir semua hasil perbincangan tiada 1 pun yang digunapakai. Bukan sahaja di Pasir Puteh, tapi berlaku juga di tempat-tempat Parlimen lain.
6.	Hakisan Tanah	Berlaku hakisan tanah di kawasan pondok Sri Permai.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Hakisan yang terjadi akan diambil maklum untuk mengenalpasti kawasan hakisan berada dibawah kendalian siapa.
7.	Pencemaran Air	Berlaku pencemaran air setelah projek ECRL mengambil tanah di kawasan tadahan air.	<i>Tiada maklum balas.</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal Tarikh: 19 Februari 2025 Bilangan peserta: 33 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 4 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) 3. Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan	Permohonan JKM tidak diluluskan atas alasan rumah besar walaupun rumah peninggalan arwah suami. Permohonan bantuan MAIK secara atas talian menyukarkan mereka yang tidak mahir menggunakan teknologi.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelulusan permohonan JKM adalah berasaskan PGK dan pendapatan per kapita dan juga jenis permohonan bantuan yang dimohon kerana syarat yang berbeza. Alasan rumah besar bukan alasan untuk tidak mendapat bantuan. Laporan berasaskan rumah, harta dan aset yang dimiliki perlu ada dalam laporan adalah syarat yang perlu dikemukakan. Pada akhirnya keputusan berdasarkan PGK untuk diluluskan.
2.	Bekalan air terganggu	Bekalan air kerap tiada dan kualiti tidak elok.	Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) Bekalan air di kawasan ini adalah dari LRA Merbau Chondong. Pembangunan bekalan air di kawasan ini dalam proses menaiktaraf sistem proses LRA Merbau Chondong berkapasiti 70JLH dan jangka siap pada September 2026.
3.	Kemudahan infrastruktur jalan	Kekurangan lampu jalan menyebabkan kemalangan kerap berlaku.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	yang perlu ditambah baik		Lampu jalan melibatkan beberapa agensi seperti JKR, TNB dan sekiranya di bawah majlis daerah ianya perlu dibayar.
4.	Kesukaran menguasai literasi dan kemahiran teknologi digital	Pendaftaran lesen, cukai jalan (<i>roadtax</i>), dan sebelum ini MySejahtera, yang menggunakan aplikasi dalam telefon menyukarkan bagi kebanyakan golongan yang tidak mahir.	<i>Tiada maklum balas.</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Belia dan NGO Tarikh: 19 Februari 2025 Bilangan peserta: 11 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) 2. Jabatan Belia dan Sukan (JBS) 3. <i>Malaysian Communications and Multimedia Commission</i> (MCMC) 4. Persatuan Kontraktor 5. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) 6. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
1.	Kurang peluang pekerjaan yang baik	Belia berhijrah kerana tiada peluang kerja di kawasan setempat. Tiada pembukaan industri yang menyokong peluang kerja setempat. Ketidakpadanan (<i>mismatch</i>) pekerjaan dan kelulusan pendidikan berlaku dalam kalangan graduan yang tidak mahu berhijrah atas alasan tertentu seperti menjaga keluarga. Hebahan kerja kosong tidak meluas. Hebahan kerja kosong diberikan kepada mereka yang dikenali dahulu sebelum disebarkan kepada umum. Belia perlu diberikan kebenaran untuk mengusahakan tanah pertanian.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) PERKESO membantu pencari pekerjaan melalui MYFutureJobs di mana ia memberi bantuan secara percuma kepada majikan untuk mengambil pekerja khususnya di negeri Kelantan. Bekerjasama dengan Invest Kelantan dan UPEN bagi mengurangkan pengangguran di negeri Kelantan. Membawa majikan dari luar Kelantan terutamanya majikan dari negeri Selangor. Tiada pembukaan industri ini bukan bidang kuasa PERKESO kerana ia melibatkan pelabur yang datang melabur dan membuka peluang pekerjaan. Bagi mengurangkan ketidakpadanan kerja (<i>mismatch</i>) PERKESO mempunyai data pencari kerja di Kelantan yang aktif lebih 29,000 pencari kerja.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Gaji imam di bawah MAIK tiada KWSP/EPF menyebabkan belia tidak berminat untuk menjadi imam masjid. Berlaku persaingan dengan warga asing seperti Rohingya, Bangladesh dan Indonesia terutama dalam sektor kerja pembinaan.	Mengadakan pelbagai inisiatif seperti pembentukan profil dengan pencari kerja, iaitu dengan melihat latar belakang pencari kerja, kemahiran yang dimiliki baru mereka mencari majikan untuk dipadankan dengan keperluan. Keutamaan diberikan kepada majikan yang berada di negeri Kelantan. Hebahan kerja kosong sentiasa dibuat dan di Pasir Puteh akan diadakan pada 22 Julai 2025 nanti. PERKESO memerlukan sokongan terutama daripada pihak MDPP untuk membuat hebahan untuk mengisi MYFutureJobs untuk mendapat data pencarian pekerja bagi padanan dengan majikan nanti. Hebahan pencarian juga bagi negeri Kelantan juga diadakan, sebagai contoh pada 22-24 Mei 2025 akan diadakan pencarian pekerja di Mydin Tunjung Kota Bharu. PERKESO akan bawa 40 majikan seluruh negeri Kelantan dan akan ada 400 surat tawaran akan dikeluarkan pada hari tersebut. Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Tugas JBS adalah untuk melaksanakan program-program pembangunan belia, sukan dan rakan muda. Jadi menyediakan peluang pekerjaan bukan tugas JBS.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Menggalakkan belia bersukan dan terlibat dalam aktiviti fizikal dan bukan sukan berprestij tinggi. Menyediakan bidang-bidang latihan keusahawanan. Penyertaan akan diwar-warkan kepada JBS untuk hebahan kepada belia. Kemudahan pinjaman melalui tabung Pembangunan Wang Amanah Negara untuk belia telah ditamatkan kerana ramai gagal membayar. Skim Tabung Ekonomi Belia yang memberi bantuan sekali sahaja (<i>one-off</i>) untuk keusahawanan juga gagal kerana belia tidak membuat rancangan keusahawanan tetapi untuk telah membeli motor dan lain-lain. Persatuan Kontraktor Pengambilan pekerja berdasarkan upah yang murah dan jangka masa projek yang pendek. Jabatan yang mengeluarkan tender juga menitik berat kos yang rendah dan jangka projek yang pendek (cepat siap). Walaupun sesetengah agensi menetapkan syarat bumiputra untuk masuk tender, namun pekerja kontrak adalah golongan warga asing.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Bekalan air yang terganggu	Air kotor dan berkarat berwarna coklat pekat seperti warna kopi-o. Tekanan air terlalu rendah terutamanya di kawasan tinggi. Air di kawasan ini menyebabkan kulit gatal. Warnanya juga merah. Selain itu, sumber air yang keluar agak lambat dan mengambil masa menunggu. Perlu memasang penapis air dengan kos 2-3 ribu tetapi tetap tidak dapat membasuh baju putih.	<i>Maklum balas adalah seperti FGD 5 isu 2</i>
3.	Penggunaan dadah dan vape	Penggunaan vape oleh pelajar sekolah menengah dengan penggunaan perisa <i>magic mushroom</i>. Nota: <i>Magic mushroom</i> merupakan ganja sintetik yang diproses dalam bentuk cecair. Dadah terkini boleh didapati di dalam shopee, iaitu dikenali sebagai "<i>airpump</i>" seperti ubat panadol dan terkenal dalam kalangan anak-anak muda. Penggunaan ketum yang berleluasa tidak kira peringkat umur. Isu penguatkuasaan menunjukkan bahawa suspek utama dan pengedar yang terlibat dalam perniagaan ketum haram dan dadah berulang kali	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pihak AADK akan buat pemantauan di kawasan tersebut dan sekiranya ada aktiviti penagihan dadah, masyarakat boleh membuat aduan kepada pihak AADK dengan cara hadir ke Pejabat AADK Daerah Pasir Puteh dan menghubungi no telefon <i>hotline</i> AADK 0389112233/0196262233. Berdasarkan semakan terhadap dadah jenis airpump. Tiada dadah jenis airpump. Pihak AADK merasakan dadah yang dibeli dalam shopee adalah dadah jenis epam atau nama saintifik nitrazepam, iaitu sejenis dadah yang merawat seseorang yang susah tidur, tetapi disalahguna oleh pengguna.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ditangkap, tetapi kembali mengedar selepas dibebaskan.	Segala ubat-ubatan yang dijual di farmasi adalah tanggungjawab oleh jabatan farmasi. Dadah jenis ketum adalah tanggungjawab oleh pihak polis. AADK perlu menyalurkan maklumat berkaitan penggunaan vape jenis <i>magic mushroom</i> kepada pihak polis. AADK hanya tangkap penagih dadah sahaja sebagaimana akta penagih dadah 2024. Pihak AADK telah melaksanakan ujian saringan urin (air kencing) ke atas pelajar sekolah secara berkala sepanjang tempoh tiga tahun (2022, 2023, dan 2024). Semua keputusan ujian saringan urin yang dilaksanakan semasa tempoh tersebut adalah negatif.
4.	Ketersambungan jaringan internet yang tidak dapat diakses	Tiada liputan internet di kawasan kampung. Tiada liputan internet dari jalan Pasir Puteh ke Machang, hanya ada YES jika berdekatan sekolah.	Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) Pihak MCMC berharap untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengadu seperti nombor telefon untuk dihubungi balik dan kawasan mana tiada liputan. Secara keseluruhan, pihak MCMC telah menyemak dan mendapati bahawa liputan di kawasan yang dinyatakan mempunyai liputan.
5.	Kekurangan literasi dan kematangan digital	Penggunaan sosial media dalam kalangan kanak-kanak hingga orang dewasa tidak terkawal menyebabkan remaja lebih gemar menonjolkan	<i>Tiada maklum balas.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diri di TikTok, FaceBook dengan aksi yang kurang sesuai dan pendedahan aurat yang meluas.	
6.	Kekurangan Pembangunan Prasarana Belia dan Ruang Awam	Tiada litar lumba untuk penggemar motor dan remaja menyebabkan berlaku lumba haram dan aksi rempit yang berleluasa. Padang Majlis Daerah/ Mini Stadium tidak mempunyai peralatan yang lengkap seperti tiada lampu. Tiada pusat aktiviti setempat untuk belia melakukan aktiviti. Tiada juga tempat untuk golongan belia mengadakan persidangan.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Kelulusan pembinaan sesuatu projek adalah bergantung kepada peruntukan yang dimohon. Di Pasir Puteh ada menyediakan beberapa tempat pusat aktiviti seperti di bandar MDPP, taman Herba Bukit Gedombak, Jalinan Square dan yang terbaru taman bonzai. Pusat aktiviti ini bukannya tiada, tetapi tidak disediakan untuk seluruh kawasan Pasir Puteh dan sekiranya ada keperluan, komuniti boleh membuat permohonan kepada majlis untuk membuat pusat aktiviti di kawasan mereka. Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Masalah kekurangan litar lumba ini bukan isu setempat (seperti Pasir Puteh sahaja), tetapi merupakan isu peringkat kerajaan negeri dan seluruh Malaysia. Kemudahan sukan dan infrastruktur seperti litar lumba boleh dimohon dan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). KBS hanya melaksanakan kerja fizikal dan pembinaan projek.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Urusan pengambilan tanah, bayaran premium, dan memastikan status tanah yang jelas dan sah adalah tanggungjawab pihak pemohon (contohnya, Majlis Daerah atau Kerajaan Negeri). Projek pembinaan hanya boleh diangkat kepada KBS setelah tapak tanah telah dikenal pasti, dibersihkan, dan statusnya disahkan (<i>clear</i>). Projek seringkali tergantung kepada isu tanah, terutamanya jika ia melibatkan hak milik Pejabat Tanah dan Galian (PTG) atau tanah Perjanjian Tanah Kesyukuran (PDP). Projek lebih mudah dimohon sekiranya status tanah adalah jelas.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Siam Tarikh: 19 Februari 2025 Bilangan peserta: 23 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) 3. Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)
1.	Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan	Tidak mendapat makluman tentang bantuan kebajikan. Bantuan makanan tidak diterima semasa banjir kerana tidak berpindah ke PPS sebaliknya berpindah ke Wat dan terkepung tiada akses keluar.	<i>Maklum balas seperti FGD 1</i> Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pihak JKM menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir yang berpindah ke PPS sahaja. JKM tidak ada maklumat kepada mangsa banjir yang tidak berpindah ke PPS yang digazetkan. Sekiranya ada mangsa yang tidak mendapatkan bantuan makanan daripada JKM, JKM tidak menerima maklumat daripada PPS yang digazetkan sebagai pusat pemindahan banjir. Pemindahan mangsa banjir ke PPS yang digazetkan adalah perlu bagi JKM mendapat jumlah mangsa yang tepat dan penyaluran makanan yang tepat.
2.	Bekalan air terganggu	Bekalan air kerap tiada dan kualiti tidak elok.	Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Tekanan bekalan air di kawasan liputan adalah pada paras melebihi kadar normal, iaitu mencatatkan bacaan lebih tinggi daripada (10mh -1). Ini

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			menunjukkan bahawa pengaliran air berada dalam keadaan optimum dan memenuhi standard pengedaran. Pembangunan bekalan air di kawasan ini dalam proses pembinaan LRA Tok Bali berkapasiti 50 JLH dan dijangka siap pada Ogos 2027.
		Pemasangan telaga tiub (atau air perigi bor) dengan pam enjin memerlukan kos yang tinggi, tetapi kaedah ini terpaksa dilaksanakan bagi mendapatkan sumber bekalan air.	<i>Maklum balas seperti FGD 5 isu 2</i>
3.	Kelemahan Infrastruktur Asas dan Isu Tadbir Urus Tempatan	Jalan kawasan kampung Ketik Naka rosak dan tidak dibaiki. Tidak ada lampu jalan. Permohonan pernah dibuat kepada penghulu, tetapi tidak berjaya. Lampu jalan di Ketik Naka tidak ada dan pernah buat permohonan kepada penghulu tetapi tidak berjaya. Huraian: Permintaan rasmi daripada komuniti (atau melalui penghulu) kepada pihak berkuasa yang berkaitan (seperti Majlis Daerah, Tenaga Nasional Berhad - TNB, atau Jabatan Kerja Raya - JKR) untuk peruntukan dan pemasangan lampu jalan telah ditolak atau tidak mendapat kelulusan	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Majlis sentiasa membuat permohonan peruntukan daripada kerajaan negeri untuk membaik pulih jalan yang rosak, namun pembaikan perlu mengikut giliran. Peruntukkan adalah terhad bagi setiap tahun perolehan. <i>Maklum balas berkenaan lampu jalan adalah sama seperti FGD 5 isu 3.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ataupun permohonan tersebut tidak diteruskan kepada fasa pelaksanaan atau pembiayaan.	
4.	Akses Terhadap kepada Kewarganegaraan dan Dokumen Pengenalan Diri	Ibu yang berwarganegara Siam (Thailand) dan bapa yang berwarganegara Malaysia menyebabkan anak tidak mendapat memperoleh surat beranak yang sah dan seterusnya gagal memohon Kad Pengenalan (IC). Kanak-kanak tersebut dibenarkan bersekolah tetapi tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan awam.	<i>Tiada maklum balas.</i>
5.	Krisis Pengurusan Sampah dan Pencemaran Alam Sekitar	Terdapat kekurangan ketara dalam penyediaan tong sampah awam atau tong sampah komunal di kawasan perumahan dan kampung. Sekiranya tong sampah disediakan, ia sering kali diletakkan terlalu jauh dari rumah penduduk, memaksa mereka berjalan jauh atau menggunakan pengangkutan bagi tujuan pembuangan sampah harian.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Tiada masalah untuk menyediakan tong sampah sekiranya ada permohonan tong sampah cuma menjadi isu ialah lokasi untuk meletakkan tong sampah.
		Penduduk membuang sampah di kawasan tanah lapang berhampiran sawah padi.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Masalah pembuangan sampah bergantung kepada aduan daripada penduduk, sekiranya ada aduan MDPP akan pergi untuk tindakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Longgokan sampah yang tidak terkawal bertimbun di sepanjang jalan dan menjangkau hingga ke kawasan tepi sungai, berpunca daripada pembuangan sisa pepejal secara haram oleh pihak luar dalam kuantiti yang besar.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Pemasangan CCTV di sesetengah tempat bagi memantau mereka yang membuang sampah di kawasan yang dilarang. Tindakan saman juga akan dikeluarkan. Namun, ada sesetengah daripada mereka yang tidak mengendahkan dengan saman yang dikenakan.
		Kekurangan lori sampah untuk mengambil sampah di seluruh kawasan Pasir Puteh menyebabkan lambat sampah diambil.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Majlis kekurangan lori sampah kerana lori yang sedia ada tidak mampu menampung jumlah sampah untuk semua kawasan Pasir Puteh. Bagi tahun 2025, majlis akan menerima sebuah lori sampah baru. Beberapa kawasan pemungutan sampah akan diswastakan kepada syarikat pengurusan sampah bagi menampung kekurangan lori sampah.
		Tapak pembuangan sampah di hadapan Sekolah Cherang Ruku menimbulkan risiko kesihatan dan pencemaran bau, selain menjejaskan keceriaan persekitaran sekolah.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Majlis telah membuat banyak kali perbincangan dan pemindahan tempat letak tong sampah juga telah beberapa kali dipindah kerana penduduk sendiri tidak mahu tong sampah dekat dengan kawasan rumah mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Penempatan tong sampah dekat dengan sekolah adalah persetujuan bekas mantan YB yang lalu.
6.	Fenomena sosial banjir	Kejadian banjir terjadi apabila berlaku hujan kerana saluran pembentungan air (<i>culvert</i>) yang ada bersaiz kecil. Saluran yang kecil tidak dapat menampung isipadu air yang banyak, dan menghalang gerakan air untuk keluar.	Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) Mohon pejabat tanah adakan mesyuarat susulan untuk tindakan lanjut mengatasi masalah longkang tersumbat dan saluran dalam bandar Pasir Puteh melibatkan MDPP, JKR, JPS dan PTDJ PP. Perancangan jangka pendek, menjalankan gotong-royong dalam masa terdekat. Perancangan jangka panjang adalah untuk mengikuti pelan JPS yang sedang dirangka.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Semerak Tarikh: 20 Februari 2025 Bilangan peserta: 20 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Perikanan 2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
1.	Halangan Akses dan Ketidalcukupan Bantuan Kebajikan Sosioekonomi Nelayan.	Tidak mendapat makluman tentang bantuan kebajikan atau perniagaan. Nelayan yang tiada lesen tidak mendapat bantuan sara hidup, hakikatnya sukar untuk mendapat kelulusan lesen. Bantuan sara hidup yang diberikan kepada nelayan kecil pada kadar RM300 perlu dinaikkan sekurang-kurangnya kepada RM500 bagi menampung peningkatan kos sara hidup semasa. Bantuan perumahan nelayan ada yang tidak dapat walaupun mempunyai lesen sendiri atas alasan ayah dan abang sudah dapat.	Jabatan Perikanan Bagi mendapatkan bantuan, nelayan perlu memiliki buku lesen. Lesen pantai tidak dibuka dan hanya dibuka semasa dekat mengundi (pilihan raya). Lesen pantai telah (penuh) dan tidak akan dibuka. Kelulusan adalah di peringkat persekutuan. Nelayan yang tidak mempunyai lesen tetapi sebagai awak-awak, yang berdaftar dan mempunyai kad nelayan juga berhak mendapat bantuan melalui skim bantuan sara hidup nelayan. Bantuan minyak (diesel) hanya kepada mereka yang mempunyai lesen ke laut, iaitu pemilik bot. Kebiasaannya dekat pilihanraya akan dibuka permohonan untuk mendapatkan lesen dan permohonan lesen ini dibuat oleh calon wakil rakyat. Calon wakil rakyat akan memilih beberapa nama nelayan yang mempunyai kad nelayan dan akan membuat permohonan kepada Ketua Pengarah. Bantuan sara hidup nelayan adalah kepada mereka

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			yang berdaftar sebagai nelayan dan mempunyai kad nelayan. Bantuan sara hidup kepada nelayan disalurkan terutamanya semasa musim banjir (musim tengkujuh), iaitu tempoh kritikal di mana mereka tidak dapat turun ke laut untuk menangkap hasil. Walaupun tidak dapat menangkap ikan, nelayan masih boleh menjalankan kerja-kerja sampingan atau aktiviti lain sepanjang musim tengkujuh. Bantuan perumahan di bawah LKIM dan bukan bawah perikanan hanya ada di Tok Bali sahaja. Kebanyakan perumahan ini didiami oleh nelayan dari kota Bharu, Bachok dan kawasan luar. Ada nelayan yang mendapat rumah terus dan ada yang hanya sementara berdasarkan keaktifan mereka sebagai nelayan.
2.	Laluan bot diganggu	Kapal dari <i>Tok Bali Supply Base</i> merempuh pukut bot Zon A. Kumpulan nelayan tidak mengetahui laluan kapal TBSB dan tidak pernah dimaklumkan tentang laluan kapal tersebut.	<i>Tiada maklum balas.</i>

3.	Proses mendapatkan kad dan lesen yang sukar	Kesukaran mendapatkan lesen untuk pewaris.	Jabatan Perikanan Kad nelayan boleh dibuat dengan syarat dia bekerja dengan tekong sebagai awak-awak. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Lesen terhad adalah mungkin melibatkan subsidi dan elaun nelayan. Itu melibatkan kewangan dan mungkin kekangan di peringkat MOF untuk menambahkan subsidi dan elaun nelayan.
		Proses mendapatkan kad nelayan sukar.	
4.	Sukar mendapatkan resit untuk subsidi petrol	Nelayan sukar mendapatkan resit di Caltex Bisikan Bayu untuk subsidi minyak petrol. Ini kerana peralatan mesin cetak resit rosak dan tidak diganti.	Jabatan Perikanan Meter stesen minyak Caltex rosak dan telah tanya dengan LKIM, mereka menjawab perlu sekiranya nak tukar mesin, seluruh 1 Malaysia perlu tukar mesin. Tidak semua pam minyak ada meter subsidi untuk nelayan. Nelayan perlu ada resit jualan ikan untuk dibawa ke stesen Caltex untuk mendapatkan subsidi minyak. Resit yang diperoleh secara manual perlu disahkan oleh LKIM untuk nelayan mendapatkan subsidi. Mesin stesen minyak rosak dan tidak dapat ditukar dengan yang baru kerana tiada alat ganti. Sebagai langkah alternatif, nelayan boleh ke stesen petrol Kampung Raja untuk mendapatkan minyak bersubsidi.
5.	Penyalahgunaan lesen	Lesen khas udang yang diberikan sepatutnya untuk tempoh 3 bulan sahaja. Namun, ia	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Lesen udang adalah pada musim tengkujuh. Nelayan akan mohon dengan jabatan untuk mohon lesen

		disalahgunakan kerana dipakai walaupun selepas tamat tempoh.	sementara. Lesen pukut tunda untuk musim tengkujuh dan mengganggu nelayan pantai.
6.	Ancaman Hakisan Pantai dan Halangan Birokrasi Infrastruktur	Tiada benteng yang menghalang hakisan pantai.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Jika tiada aduan dibuat, pihak JPS mempunyai kesukaran untuk membuat tindakan.
		Hakisan pantai berisiko menyebabkan kerosakan terhadap pejabat Persatuan Nelayan (MyKP). Laporan kepada Jabatan Perikanan sudah dilakukan. Namun, tambak masih tidak dapat dibuat kerana tanah pantai tersebut tidak ada lesen pendudukan sementara (TOL) yang telah dibekukan oleh Pejabat Tanah.	
		Nelayan merasakan hakisan berlaku setiap masa dan menghakis 10-12 meter setiap tahun.	

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Penternak Ikan Dalam Sangkar Tarikh: 20 Februari 2025 Bilangan peserta: 13 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 2. Jabatan Perikanan 3. Ahli Parlimen Pasir Puteh
1.	Kos mengusahakan penternakan ikan sangkar tinggi	Kenaikan harga makanan ikan (<i>pallet</i>) menyebabkan penternak menanggung kos yang besar dan keuntungan yang diperolehi tidak sepadan dengan kos yang dikeluarkan.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Penternak ikan Pasir Puteh ada yang mendapatkan sumber ikan baja dengan LKIM dan juga PPK Semerak. Ahli Parlimen Pasir Puteh Berdasarkan pemerhatian, mentaliti nelayan tidak seperti kita, jika pergi satu tempat dan orang kata tiada makanan ikan, maka nelayan tidak pergi ke tempat lain. Isu makanan ikan dan benih ikan tidak timbul sepatutnya kerana kos ambil di luar Kelantan akan meningkat disebabkan kos pengangkutan dan lain-lain. Di Kelantan ada pusat anak benih seperti di Kuala Krai dan Gua Musang. Kadang-kadang benih di Gua Musang hantar ke Perak seperti jualan balak. Harga benih dan makanan ikan mahal bukan isu besar kerana peningkatan harga ini nelayan akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			menjual ikan mereka dengan harga yang mahal termasuk kos pekerja. Subsidi menyebabkan nelayan menjadi malas kerana mengharapkan kepada subsidi dan yang menguntungkan adalah pemilik lesen.
		Kekurangan sumber ikan baja untuk membuat makanan proses sendiri kerana ikan baja dieksport ke Thailand oleh pembekal/pengilang.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Harga ikan baja sekarang telah jatuh sehingga RM0.10 sekilogram dan telah menyebabkan beberapa syarikat datang untuk membuka kilang dedak kerana lambakan sumber ikan baja di Semerak. Jabatan Perikanan Disebabkan oleh harga ikan baja yang semakin murah (tiada nilai) menyebabkan banyak ikan baja dijual ke luar negara untuk mengelakkan kerugian.
		Kos membuat dedak sendiri adalah lebih mahal daripada membeli dedak siap.	Jabatan Perikanan Kos membuat dedak sendiri meningkat disebabkan harga bahan mentah seperti kismis dan tepung meningkat. Penjagaan ikan keli pun mahal kerana harga dedak ikan mahal dan perlu bergantung kepada ikan baja.
		Bekalan anak benih ikan sukar untuk diperolehi di Kelantan dan terpaksa import daripada pembekal di Perak. (anak benih ikan patin).	Jabatan Perikanan Pembenuhan ikan di Kelantan sudah ada seperti di Kuala Krai namun tidak dapat menampung permintaan seluruh Kelantan. Benih ikan yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			diambil di Perak adalah daripada syarikat swasta dan di syarikat di Tok Bali sedang dalam proses untuk membuat benih ikan keli untuk kegunaan sendiri. Permintaan benih ikan sangat tinggi di Kelantan, namun penawaran sangat rendah.
2.	Pencemaran dan Kemerosotan Kualiti Air Akibat Aktiviti Antropogenik	Air kekurangan oksigen akibat daripada pelepasan air empangan IADA ke sungai penternakan sangkar menyebabkan ikan boleh mati. Kualiti air sungai dan kesihatan ternakan ikan dalam sangkar terjejas teruk akibat pelepasan air daripada empangan IADA serta larut lesap baja dan racun dari tapak pertanian, terutamanya selepas kejadian banjir. Berlaku pencemaran air setelah projek ECRL mengambil tanah di kawasan tadahan air.	<i>Tiada maklum balas.</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Peningkatan input pertanian dan penternakan

Kawasan Parlimen Pasir Puteh yang kebanyakannya diliputi tanah pertanian menjadikan kegiatan ekonomi utama adalah berasaskan pertanian. Namun, beberapa kekangan seperti peningkatan kos baja, racun dan dedak serta kos pengubahsuaian dan penyelenggaraan juga menjadi halangan utama bagi penternak terutamanya yang mengusahakan pertanian secara kecil-kecilan untuk terus melangkah ke hadapan dengan kegiatan ekonomi utama mereka ini. Selain itu, kemahiran yang digunakan serta kekurangan bantuan peralatan perkembangan pertanian juga menjadi masalah utama kepada petani disini.

- **Peningkatan harga dedak, baja dan racun**

Di Pasir Puteh, peningkatan harga dedak, baja dan racun membebankan petani berskala kecil yang memiliki modal yang terhad dan bergantung kepada hasil pertanian atau penternakan skala kecil sebagai sumber pendapatan utama. Keadaan ini telah menyebabkan pengurangan keuntungan yang ketara dan menyukarkan mereka untuk menampung kos sara hidup dan melabur semula dalam pertanian mereka. Petani dan penternak menyuarakan bahawa kenaikan berlaku berganda dan beberapa kali naik dalam setahun. Sebagai contoh di Gong Chapa, kenaikan harga makanan ikan (*pallet*) menyebabkan penternak menanggung kos yang besar dan keuntungan yang diperolehi tidak sepadan.

- **Kekurangan kemahiran dan peralatan canggih**

Petani dan penternak di Pasir Puteh seringkali bergantung kepada kaedah tradisional yang kurang efisien dan kurang pendedahan kepada teknologi terkini seperti sistem pertanian pintar, penggunaan '*chopper*' untuk pembuatan dedan serta dron untuk pemantauan, atau teknik penternakan yang lebih moden. Kekurangan latihan dan bimbingan yang berterusan juga menyukarkan mereka untuk mengadaptasi teknologi baharu dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Akibatnya, hasil pertanian dan penternakan mungkin rendah, kualiti produk kurang kompetitif, dan pendapatan petani kampung terhad Tanpa bantuan atau penyelesaian yang berkesan, petani terpaksa mengurangkan penggunaan input penting, yang berpotensi menjejaskan hasil tanaman atau ternakan mereka, seterusnya memburukkan lagi keadaan ekonomi mereka dan mengancam kelangsungan hidup komuniti pertanian di peringkat akar umbi.

Jadual 14. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Peningkatan harga dedak, baja dan racun 2. Kekurangan kemahiran dan peralatan canggih.
Cadangan	Kelas Kemahiran penggunaan peralatan pertanian moden, pembuatan baja dan racun organik
Kumpulan Terjejas	Petani, Penternak ikan sangkar, Penternak Lembu
Kawasan	Selising, Gong Chepa, Gaal
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 2: Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan.
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua.	Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai ditambah tinggi dan sektor intensif buruh.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kekurangan peluang pekerjaan

Isu kekurangan peluang pekerjaan di Pasir Puteh merupakan cabaran sosioekonomi yang signifikan bagi penduduk tempatan, terutama golongan muda yang baru menamatkan pengajian atau mencari pekerjaan pertama mereka. Keterhadan industri dan jenis perniagaan di kawasan ini mungkin tidak dapat menampung jumlah pencari kerja yang semakin meningkat. Akibatnya, ramai yang terpaksa berhijrah ke bandar-bandar besar atau negeri lain untuk mencari pekerjaan yang lebih baik, menyebabkan "*brain drain*" dan melambatkan pembangunan ekonomi di Parlimen Pasir Puteh.

- **Penghijrahan belia ke bandar**

Kekurangan peluang pekerjaan yang menarik dan sesuai dengan aspirasi golongan muda menjadi faktor pendorong utama penghijrahan. Belia lebih melihat pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi dan sesuai dengan pendidikan yang mana ditawarkan di bandar-bandar besar dan ibu kota. Penghijrahan ini boleh menyebabkan kehilangan modal insan yang berharga bagi pembangunan Pasir Puteh, menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi tempatan, dan meninggalkan jurang generasi dalam komuniti. Selain itu, ia juga boleh memberi kesan kepada warisan budaya dan sosial tempatan jika generasi muda tidak lagi menetap di kawasan tersebut.

- **Ketiadaan industri perkilangan dan pembuatan**

Sektor perkilangan dan pembuatan merupakan penyumbang besar kepada peluang pekerjaan. Tetapi di Parlimen Pasir Puteh ia merupakan sesuatu perkara yang memerlukan kos dan jangka masa yang panjang untuk dibangunkan. Sektor ini sepatutnya boleh dijadikan indikator pemacu inovasi dan pembangunan teknologi. Ketiadaannya bukan sahaja menyebabkan graduan tidak mempunyai peluang pekerjaan malah boleh melambatkan kemajuan teknologi tempatan.

- **Ketidakpadanan (mismatch) pekerjaan dan kelayakan yang sedia ada**

Belia bersetuju bahawa di Parlimen Pasir Puteh wujudnya '*mismatch*' pekerjaan. Graduan dan pekerja yang berkemahiran tidak sesuai dengan pekerjaan yang sedia ada kebanyakannya menghadapi pengangguran dan terpaksa menerima pekerjaan yang tidak memanfaatkan sepenuhnya kemahiran dan pendidikan mereka. Rata-rata belia bersetuju bahawa pekerja yang bekerja di luar bidang kepakaran mereka atau dalam pekerjaan yang kurang memerlukan kemahiran mereka cenderung untuk memperoleh pendapatan yang lebih rendah. '*Mismatch*' pekerjaan menyebabkan pembaziran modal insan yang berharga kerana potensi pekerja tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Jadual 15. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Penghijrahan belia ke bandar 2. Ketiadaan industri perkilangan dan pembuatan 3. 'Mismatch' pekerjaan.
Cadangan	1. Kemahiran Digital sebagai Sumber Pendapatan 2. Kelas pembuatan pastries 3. Kelas jahitan 4. Kelas pembaikan telefon dan elektronik
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Selising, Limbongan, Gaal
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro.
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran Sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Risiko pencemaran alam sekitar

Pencemaran alam sekitar hasil pemetaan isu di Parlimen Pasir Puteh adalah daripada sudut pandang pengurusan sampah dan juga kualiti air. Bagi pengurusan sampah, terdapat isu besar berkenaan masalah sampah yang tidak terkawal berlaku di Semerak berhampiran Kuala Tok Bali. Selain itu, bagi penternak ikan sangkar, masalah kualiti air yang sering berlaku akibat dari kesan air yang kekurangan oksigen dan bercampur dengan kesan baja dan racun berhampiran kawasan pertanian memberi impak buruk kepada ikan sangkar yang dipelihara.

- **Pengurusan Sampah**

Kekurangan tong sampah yang mencukupi dan kedudukannya yang jauh dari rumah menyebabkan segelintir penduduk Pasir Puteh membuang sampah secara tidak terkawal di kawasan lapang, tepi jalan, malah di tebing sungai, diburukkan lagi dengan kekurangan lori sampah yang melambatkan proses kutipan sampah di seluruh kawasan. Lebih membimbangkan adalah penempatan tempat pembuangan sampah di hadapan Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku, yang secara langsung menjejaskan suasana pembelajaran, kesihatan murid-murid akibat pencemaran bau, dan mencacatkan keceriaan persekitaran sekolah, memerlukan tindakan segera dan komprehensif untuk menangani isu pengurusan sampah yang semakin meruncing ini.

- **Kualiti air terjejas**

Bagi penternak ikan sangkar, kualiti air merupakan suatu kepentingan utama. Pelepasan air dari Empangan IADA yang kekurangan oksigen ke sungai menjadi ancaman utama kepada hidupan akuatik, menyebabkan kematian ikan, diperburukkan lagi dengan aliran air dari tapak pertanian yang membawa baja dan racun ke dalam sungai, mencemari habitat dan menjejaskan ternakan ikan dalam sangkar, sementara kualiti air yang berubah-ubah dari empangan IADA dan selepas banjir turut memberi kesan negatif terhadap kesihatan ikan, menggariskan keperluan pengurusan sumber air yang lebih berhati-hati dan terkoordinasi untuk melindungi ekosistem sungai dan industri penternakan ikan sangkar.

Jadual 16. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Pengurusan sampah. 2. Kualiti air terjejas.
Cadangan	Program pengasingan dan pengurusan sampah Pembaikan kawasan tong sampah dan kesedaran 3R Penanaman pokok bakau di kawasan paya sebagai pembersih ekosistem air semula jadi.
Kumpulan Terjejas	Komuniti Siam, Belia
Kawasan	Semerak, Ketik Naka
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.3: Menjelang 2030, menamatkan epidemik AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika terabai serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit lain.
SDG 6: Memastikan ketersediaan dan pengurusan air mampan serta sanitasi untuk semua	Sasaran 6.3: Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan mengurangkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan sehingga separuh jumlah air buangan yang tidak dirawat dan meningkatkan dengan ketara kadar kitar semula dan penggunaan semula yang selamat di seluruh dunia.
SDG 14: Memulihara dan menggunakan sumber lautan dan marin secara mampan untuk pembangunan mampan	Sasaran 14.1: Menjelang 2025, mencegah dan mengurangkan semua jenis pencemaran laut dengan signifikan, khususnya daripada aktiviti darat, termasuk sampah-sarap laut dan pencemaran nutrien.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 17. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Tajuk Projek	Projek Pembangunan Bakat Baru Sepak Takraw	Projek Usahanita Pastri dan Kek	Projek Penternakan Ikan Patin Dalam Sangkar	Projek Perternakan Ayam Kampung Organik
SDG Berkaitan	SDG 3, SDG 4, SDG 8	SDG 1, SDG 5, SDG 8, SDG 10	SDG 1, SDG 2, SDG 8, SDG 12	SDG 1, SDG 2, SDG 8, SDG 12
Objektif	- Mengenal pasti dan mengembangkan bakat muda dalam sukan sepak takraw. - Melatih atlet muda dengan kemahiran teknikal dan taktikal sepak takraw. - Membentuk disiplin dan semangat kesukanan dalam kalangan belia.	- Memperkasa usahanita dengan kemahiran membuat pastri dan kek. - Meningkatkan peluang pendapatan dan ekonomi golongan wanita. - Menyediakan kursus keusahawanan dan pemasaran produk.	- Meningkatkan pengeluaran ikan patin melalui sistem sangkar yang lestari. - Membekalkan sumber protein yang mencukupi untuk komuniti tempatan. - Menjana pendapatan tambahan kepada peserta.	- Membangunkan perusahaan penternakan ayam kampung organik yang lestari. - Memenuhi permintaan pasaran terhadap produk ayam organik yang sihat. - Menjana pendapatan kepada peserta yang terdiri dari OKU.

Hasil Jangkaan	• Peningkatan bilangan bakat baru sepak takraw yang dikenal pasti. • Peningkatan kemahiran dan prestasi atlet muda dalam pertandingan. • Pembentukan pasukan sepak takraw yang berdaya saing di peringkat tinggi	• Peningkatan bilangan usahanita yang berkemahiran dalam pastri & kek. • Pengukuhan rangkaian usahanita tempatan. • Penubuhan bilangan perniagaan kecil berasaskan pastri & kek	• Peningkatan jumlah pengeluaran ikan patin setempat. • Peningkatan pendapatan peserta yang kebanyakannya golongan berpendapatan rendah. • Pengurangan kebergantungan kepada sumber ikan dari luar.	• Peningkatan jumlah pengeluaran ayam kampung organik setempat. • Peningkatan kesedaran pengguna tentang faedah produk organik. • Peningkatan pendapatan OKU melalui perniagaan ayam organik.
Organisasi	Kelab Anak Muda Aktif Pasir Puteh (I-MUDA)	Kelab Generasi Islah Darul Naim	Pertubuhan Cakna Gaal	Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI)
Aktiviti	• Bengkel dan latihan asas sepak takraw. • Sesi latihan intensif dan strategi permainan. • Penganjuran pertandingan peringkat tempatan/daerah. • Latihan fizikal dan kecergasan.	• Kursus latihan intensif pembuatan pastri & kek. • Bengkel pengurusan perniagaan & pemasaran digital. • Sesi bimbingan dan mentor (<i>coaching & mentoring</i>). Pameran dan jualan produk.	• Pembinaan dan penambahbaikan sangkar ikan. • Pembelian benih ikan patin berkualiti. • Latihan teknik penternakan yang betul • Pemasaran dan jualan hasil ternakan.	• Pembinaan reban ternakan yang sesuai. • Pembelian anak ayam kampung organik. • Kursus dan latihan teknik penternakan • Pemasaran produk ayam organik.

Jumlah (RM)	RM30,000	RM30,000	RM30,000	RM30,000
Lokasi	Limbongan	Kg Panggong	Kg Temila	Kg Kok Jering
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

- Durst, M. (2023). Pasir Puteh (District, Kelantan, Malaysia) - Population Statistics, Charts, Map and Location. Diambil daripada https://www.citypopulation.de/en/malaysia/admin/kelantan/0305__pasir_puteh/
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan. (2020). Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040. Kota Bharu, Kelantan: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (t.t.). Semakan Daftar Pemilih. Diambil daripada <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Laporan Kajian Semula Persempadanan (Jilid 1).



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>